SURAT KHABAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

...UN 28 BILANGAN 29 | RABU 20HB JULAI, 1983. | رابو 9 شوال 1403 | PERCUMA


## ...EBAWAH D.Y.M.M. ...ERANGKAT ZIARAH ...E MAKAM DIRAJA

... SERI BEGA- ... Kebawah Duli ... Mulia Paduka ... Sultan dan ... Negara ...ussalam Sir ... Bolkiah ... Waddaulah ... bercemar ... ke Kubah ... pada hari ...

... sama ter- ... Duli Yang ... Paduka ... Sultan Haji ... Ali Saifud- ... Khairi Wad- ... Teramat Mulia ... Duli Pengiran ... Sahibul ... Wal-Waqar ... Mohamed ... Yang Teramat ... Seri Duli ... Bendahara Seri ... Permaisuara ... Haji Sufri ... Yang Teramat ... Seri Duli ... Digadong ... Pengiran ... Bolkiah serta ... Kerabat Diraja ...

... bersama- ... Diraja ... Yang Teramat ... Penasihat ... Kebawah Duli ... Mulia, Pehin ... Laila Setia ... Dato Laila ... Haji Isa; ... Berhormat ... Menteri Besar, ... Kaya Laila ... Seri Setia Awang Haji Abd Aziz; Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman; Pengiran-Pengiran Cheteria dan Pehin-Pehin.

Sejurus selepas majlis bertahlil selesai, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pun memulakan menjirus ayeng asah-asahan diikuti oleh Kerabat Diraja yang lain.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan (kanan) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan (kiri) sedang menjirus aying asah-asahan ke atas makam Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja.

...TA IMAN

... kawan ... orang ... syafaat ...kanan." — ... Ibnu ... Anas

## TANPA MEMILIH KERAJAAN:

# RAKYAT TIDAK PATUT MERASA RENDAH DIRI

**BANDAR SERI BEGAWAN — Rakyat negeri ini tidak ada sebab untuk merasa kekurangan dan rendah diri semata-mata kerana mereka tidak memilih Kerajaan melalui pilihan-pilihan raya, kerana sungguhpun mereka tidak memilih Kerajaan untuk mentadbir negara tetapi itu tidak bermakna yang mereka tidak mempunyai sebarang penglibatan dan penyertaan dalam Kerajaan.**

Demikian Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menyatakan kepada kira-kira 500 orang para hadirin dalam majlis Ramah Mesra Penerangan sempena Hari Raya Aidilfitri bertempat di Pusat Belia di sini pada hari Ahad yang baru lalu.

Menurutnya, selama ini rakyat terlibat dan dilibatkan dalam program-program kemajuan serta perkembangan sosio-ekonomi, rakyat juga telah membuktikan sikap yang teguh pada menyertai Kerajaan dalam usaha mengwujudkan dan mengekalkan ketenteraman serta keselamatan.

"Yang lebih penting dari kesemua penglibatan itu ialah kita telah memberi sumbangan yang sangat bermakna pada melemahkan pengaruh-pengaruh anasir yang menentang Kerajaan," tegas Awang Haji Badaruddin.

Tetapi, menurut Pengarah Penerangan, penglibatan rakyat dalam Kerajaan selama ini mungkin tidak nampak pada umumnya sebab cara penglibatan itu hanya diketahui melalui peti undi dalam pilihan-pilihan raya.

Cara tersebut, katanya, adalah cuma suatu bentuk yang sudah diamalkan menurut sistem dan falsafah politik moden sedangkan dalam masa yang sama sistem dan falsafah politik moden itu masih memberi ruang bagi wujudnya berbagai-bagai bentuk susunan Kerajaan serta pemerintahan menurut keperluan yang berlainan.

"Kerana itu banyak negara sudah menerima pilihan raya sebagai way of lifenya sebagaimana juga ada negara-negara yang tidak berpilihan raya tetapi Kerajaannya masih dapat berfungsi dengan baik," tegas Pengarah Penerangan lagi.

Hal yang sama, menurutnya lagi, berlaku ke atas negara ini iaitu sungguhpun rakyat tidak memilih Kerajaan untuk mentadbir negara tetapi rakyat memberi sokongan yang menyeluruh kepada Kerajaan sehingga membolehkan Kerajaan melaksanakan program-program pembangunan dengan jayanya, melaksanakan dengan

Lihat muka 16

## Lebih 11 ribu kunjungi Istana Darul Hana

**Lebih sebelas ribu orang rakyat Negara Brunei Darussalam yang terdiri dari berbagai keturunan dan lapisan masyarakat mengunjungi Istana Darul Hana di Jalan Tutong untuk menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya dan junjung ziarah kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah.**

Istana Darul Hana terbuka untuk kunjungan orang ramai selama tiga hari berturut-turut mulai dari Hari Raya kedua. Ianya dibuka selama empat jam sehari iaitu pada sebelah pagi jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengahhari manakala di sebelah petang pada jam

Lihat muka 16

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

20HB. JULAI, 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

**PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN:**

## RAKYAT TELAH MENENTUKAN KERAJAAN DAPAT BERFUNGSI

Kita tidak mempunyai Kerajaan yang dipilih, tetapi adakah dengan sebab itu rakyat dan orang ramai tidak mempunyai penglibatan dalam Kerajaan?

Adalah dipercayai bahawa perkara ini menjadi pekurapakan sekalipun dalam bentuk yang sangat sederhana sebagai menandakan minat dan perhatian serta juga kesedaran terhadap hal ehwal negara dan Kerajaan. Dalam masa yang sama tidak pula jelas sebarang usaha menyoroti persoalan tersebut dan seterusnya chuba menjelaskannya menurut perspektifnya yang betul dalam kaitannya dengan iklim tempatan. Bagaimanapun, dalam Perjumpaan Ramah Mesra Hari Raya di daerah Brunei Muara anjuran Bahagian Penerangan pada hari Ahad yang lalu perkara tersebut serba sedikit telah disingkap. Pengarah Penerangan telah mengajak hadirin seramai sekira-kira 500 orang yang datang dari Mukim-mukim di daerah tersebut kepada meneliti sejauh mana ertikata penglibatan dan penyertaan rakyat dalam kerajaan itu.

Menurutnya rakyat mungkin tidak menampak penglibatan mereka itu sebab umumnya mereka cuma menampak cara dan jalan penglibatan tersebut hanya melalui peti undi dalam pilihan-pilihan raya. Tetapi cara yang sedemikian itu hanyalah suatu bentuk yang sudah diamalkan menurut sistem dan falsafah politik moden sedang dalam masa yang sama sistem dan falsafah politik moden itu juga masih memberi ruang bagi wujudnya berbagai-bagai bentuk dan susunan Kerajaan dan pemerintahan menurut keperluan yang berlainan. Pengarah Penerangan menghujjahkan bahawa sebagaimana banyak negara-negara sudah menerima pilihan raya sebagai sebahagian daripada way of lifenya begitulah juga banyak negara-negara yang tidak berpilihan raya tetapi Kerajaannya masih dapat berfungsi dengan baiknya. Kenyataan menunjukkan bahawa sekalipun sesebuah Kerajaan yang memerintah itu tidak menerima pilihan raya tetapi ia mendapat sokongan yang menyeluruh dari rakyat dan dapat melaksanakan program-program pembangunan dengan jayanya, berkesan dalam melaksanakan dan menguatkuasakan peraturan serta undang-undang yang menjamin kesejahteraan rakyatnya, dan mampu membaiki taraf hidup rakyat, memajukan negara dengan meletakkan bangsanya sebagai sama bermaruah dan berdaulat di kalangan masyarakat antarabangsa. Dengan yang demikian fungsi Kerajaan bagi faedah-faedah negara dan rakyat tidak semestinya terbantut atau terhalang semata-mata kerana Kerajaan itu tidak dipilih melalui pilihan-pilihan raya bahkan ada kalanya Kerajaan yang dipilih sedemikian itu tidak dapat berfungsi dengan sebaik-baiknya sehingga kegagalannya menimpakan akibat-akibat yang malang kepada negara dan rakyatnya.

Dalam hubungan inilah, Pengarah Penerangan dalam perjumpaan itu telah menegaskan bahawa tidak ada sebab untuk kita di Brunei merasa kekurangan dan rendah diri sehingga merasakan tiada sebarang penglibatan rakyat dalam Kerajaan padahal kita terlibat dan dilibatkan dalam program-program kemajuan dan perkembangan sosio ekonomi, kita telah membuktikan sikap yang teguh menyertai Kerajaan dalam usaha-usaha mewujudkan dan mengekalkan ketenteraman serta keselamatan, dan yang lebih penting ialah kita telah memberikan sumbangan yang sangat bermakna dalam melemahkan pengaruh-pengaruh anasir yang menentang Kerajaan. Kesemua ini adalah penglibatan rakyat menurut kadar yang berpatutan dalam suasana yang sesuai. Soal sama ada penglibatan itu secara aktif atau tidak adalah tertakluk kepada taksiran atau anggaran ke atas penglibatan dan penyertaan rakyat itu menurut kesesuaiannya dengan satu-satu tahap perkembangan dalam konteks kenegaraan kita. Yang sudah pasti jika orang mentaksir atau menganggarkannya berdasarkan perbandingan dengan amalan di negara-negara yang berlainan sistemnya dengan negara ini maka tentulah dia tidak dapat menilai serta menghargakan penglibatan dan penyertaan rakyat dalam mendukung Kerajaan selama ini.

Suatu yang boleh dikatakan aneh dalam orang mengkerupakan penyertaan dan penglibatan dalam mendukung Kerajaan melalui pilihan-pilihan raya itu ialah negara kita dan rakyat tidak pun mempunyai penglibatan yang sedemikian. Pengalaman kita di negara ini adalah sebaliknya iaitu kita terlibat dan dilibatkan dalam program-program [illegible] dan bahkan juga memihak [illegible] berbagai-bagai usaha untuk [illegible] dan keamanan, bahkan [illegible] yang diikuti dalam menjamin [illegible] jang kita semua.

Dengan penyertaan dan [illegible] negara kita telah dapat [illegible] rakyat dan penduduk telah [illegible] yang lebih penting ialah [illegible] dipergunakan dengan [illegible] datangkan faedah-faedah yang [illegible] lapisan rakyat dan penduduk. [illegible] Tetapi ia sepatutnya aneh bagi [illegible] atau mengamalkan taksiran yang [illegible] penglibatan dan penyertaan [illegible] tetapi tidak sepatutnya aneh [illegible] semata-mata mentaksirkan [illegible] nya dan menjadikannya sebagai [illegible] dan negara.

Bagaimanapun, seperti yang [illegible] Pengarah Penerangan dalam [illegible] penglibatan dan penyertaan kita [illegible] belumlah lagi rapus dan pupus. [illegible] taan dan penglibatan rakyat adalah [illegible] perkembangan yang berterusan [illegible] oleh bangsa dan negara di masa [illegible] itu tentulah kita berhak menarah [illegible] kebijaksanaan pimpinan tertinggi [illegible] pada menentukan yang rakyat akan [illegible] dengan Kerajaan dalam pahit manis [illegible] di masa hadapan.

Dan pada ketika itu insya-Allah rakyat [illegible] dapatlah seterusnya mengikrarkan [illegible] yang lebih ketara dalam mendukung [illegible] Darussalam — negara yang bertuhan [illegible] bersultan dan beradab sopan.

---

Suasana politik dan kerajaan:

# TIDAK ADA SEBAB UTK MERASA RENDAH DIRI

**BERIKUT ialah ucapan penuh Pengarah Penarangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman di Majlis Ramah Mesra Penerangan Sempena Hari Raya Aidilfitri bagi Daerah Brunei Muara yang telah berlangsung di Dewan Pusat Belia Bandar Seri Begawan baru-baru ini.**

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillahilhamd.

Dengan segala rendah hati saya sukacita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan di perjumpaan yang kita namakan Majlis Ramah Mesra Penerangan bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri tahun ini. Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan bukan sahaja memeriahkan lagi majlis ini bahkan yang lebih penting ialah dapat memberi suatu kesan yang diharapkan dalam perhubungan antara orang ramai dengan Kerajaan yang sentiasa kita sama-sama memelihara dan meningkatkannya.

**Pada ketika itu tiada siapa yang rugi melainkan kita dan dalam kerugian yang sedemikian tidak mustahil ada orang lain mengambil kesempatan menangguk di air keruh untuk mendapatkan sesuatu keuntungan.**

Seperti yang dinyatakan bahawa majlis ini diniatkan dan Allah s.w.t. lebih mengetahui akan niat kita itu untuk memupuk dan mengukuhkan lagi silatul- rahim di antara sesama kita. Dalam lingkungan masa tiga tahun semenjak tahun 1981 tuan-tuan dan puan-puan telah bersama-sama kami dalam operasi atau gerakan Penerangan sama ada melalui penyertaan dalam siri Taklimat atau lainnya seperti datang melawat dan sempat berbincang dengan kami di ibu pejabat Penerangan dan dalam sempena-sempena yang lain. Dalam tempoh singkat itu kami dapat kesan akan kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan pada mengambil tahu hal ehwal kebajikan di sekitar kampung dan mukim di mana tuan-tuan dan puan-puan berada, hal ehwal semasa yang berhubung dengan negara dan Kerajaan yang sama-sama kita menjunjung dan mendukungnya, dan seterusnya mengenai perkara-perkara umum yang tuan-tuan dan puan-puan turut mengambil perhatian terhadapnya.

Kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan semasa mengemukakan kes-kes mengenai hal ehwal kebajikan kampung dan mukim membuktikan sifat kita orang Brunei yang tidak 'camah mata' adalah masih berfungsi dengan baik. Pihak-pihak Kerajaan menerusi jabatan-jabatan yang berkenaan telah pula membentangkan polisi-polisi yang diikuti serta langkah-langkah yang telah diambil atau sedang dan akan dilaksanakan dalam perkara-perkara yang melibatkan perkhidmatan kepada rakyat dan penduduk. Dan dalam hal-hal yang tertentu kes-kes yang dikemukakan telah menarik perhatian jabatan-jabatan itu yang kami percaya ia dengan sendirinya merupakan suatu maklum balas yang memang dihargakan oleh Kerajaan pada mengetahui sejauh mana keberkesananya sesuatu perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat dan penduduk dan sejauh mana pula ia boleh memenuhi niat dan hajat bersama iaitu rakyat dan Kerajaan.

Dalam perkara hal ehwal semasa sekitar Kerajaan dan negara tuan-tuan dan puan-puan telah menarik perhatian kami kepada isi hati yang tersirat di sanubari tuan-tuan dan puan-puan. Pada umumnya tuan-tuan dan puan-puan telah menarik perhatian kami kepada perkara-perkara sama ada yang berhubung dengan sistem pemerintahan dan susunan pentadbiran atau mengenai sesuatu dasar negara dan Kerajaan dalam bidang-bidang agama, pelajaran, keselamatan serta keamanan dan bidang politik yang menyentuh aspek-aspek kegiatan berpolitik secara berparti, kebebasan bersuara dan menyatakan pendapat sehinggalah mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Dan khusus mengenai kemerdekaan tuan-tuan dan puan-puan telah menimbulkan berbagai-bagai pertanyaan dan andaian. Kesemua itu menurut penilaian kami menandakan betapa benarnya yang isu politik pada umumnya tidak dapat dipisahkan dari lain-lain isu yang melibatkan rakyat dan penduduk sesebuah negara seperti kita di Brunei ini. Dengan kedudukan yang sedemikian itu perhatian tuan-tuan dan puan-puan kepada isu-isu politik bagi kami adalah sangat berpatutan dan dalam banyak perkara kami menghargakannya sebagai bukan semata-mata ia merupakan suatu sumbangan dalam kita sama-sama memupuk dan meningkatkan kesedaran bernegara dan berkerajaan.

Di pihak kami pula, isu-isu dalam hal ehwal semasa sekitar negara dan kerajaan telah banyak kami tumpukan kepada memberikan kefahaman mengenainya dengan mengajak tuan-tuan dan puan-puan untuk melihat isu-isu yang dibangkitkan itu dari perspektifnya yang betul. Dalam perkara ini, saya percaya, tuan-tuan dan puan-puan telah mendapati yang kami bersikap terbuka dalam mendengar dan meneliti pertanyaan atau pandangan dan buah fikiran dari tuan-tuan dan puan-puan. Dengan sikap terbuka itulah membolehkan kami bersikap kepada tuan-tuan dan puan-puan dengan jujur sekalipun ada di antaranya disampaikan dengan nada keras yang tegas sebagaimana juga dengan nada lembut yang merayu. Kami bertegas dan kami merayu adalah sama sahaja tujuanya iaitu mengajak tuan-tuan dan puan-puan khasnya dan orang ramai amnya untuk melihat dan meneliti sesuatu isu baik mengenai politik, keselamatan dan keamanan mahupun isu-isu agama dan pelajaran dari sudut atau perspektifnya yang sebenar dan yang betul. Sebab tanpa melihat dari perspektifnya yang betul kita semua tidak akan berpeluang memahami isu yang berkenaan itu dengan sebaik-baiknya yang mana akibatnya ialah menambahkan kekusutan, membawa kepada kekeliruan, yang 'menggaloratkan' hati dan pemikiran. Pada ketika itu tiada siapa yang rugi melainkan kita dan dalam kerugian yang sedemikian tidak mustahil ada orang lain mengambil kesempatan menangguk di air keruh untuk mendapatkan sesuatu keuntungan.

Pendek kata dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini menerusi gerakan atau operasi Penerangan di mana tuan-tuan dan puan-puan adalah merupakan sebahagian daripada orang ramai yang terlibat secara langsung yang menjadi target audience dalam operasi itu, kita telah sama-sama mewujudkan suatu bentuk perhubungan dua hala di antara Kerajaan dengan rakyat dan sebaliknya di antara rakyat dengan Kerajaan yang dijalin dalam suasana yang harmoni saling hormat menghormati dan cuba faham memahami antara satu sama lain. Dengan yang sedemikian [illegible] nya telah [illegible] bangan [illegible] makna [illegible] meningkatkan [illegible] keselamatan [illegible] nya. Sesungguhnya [illegible] bangan [illegible] menurut [illegible] maka ia [illegible] penglibatan [illegible] diharapkan [illegible] mempengaruhi [illegible] dan perlaksanaan [illegible] Kerajaan [illegible] bil kita [illegible] dan negara [illegible] mudahan [illegible] diperkenankan [illegible] khidmat [illegible]

**Dengan yang sedemikian itu kita [illegible] nya telah memberikan sumbangan [illegible] negara dalam makna mengekalkan [illegible] meningkatkan suasana keselamatan [illegible] keamanannya.**

negara Brunei [illegible] yang bertuhan [illegible] s.w.t., beradab [illegible] sopan.

Tuan-tuan [illegible]

Adalah [illegible] sejelas-jelasnya [illegible] guhpun [illegible] mempunyai [illegible] bukan [illegible] menurut [illegible] yang dipilih [illegible] jaan yang [illegible] yang ada [illegible] dalam [illegible] hendaknya [illegible] penglibatan [illegible] jalanan [illegible] mungkin [illegible] penglibatan [illegible] pada [illegible]

**Kita mungkin tidak menampak penglibatan kita itu sebab pada umumnya kita cuma menampak cara dan jalan penglibatan itu hanya melalui peti undi dalam pilihan raya.**

Lihat [illegible]

# ...Y.M.M. RAYA BERSAMA RAKYAT

... menjelang ...pumalah sudah ... puasa Ramadan ...pahkan ke atas ...umat Islam dan ...waktunya untuk ... Hari Raya ... tanda kemenang-

...takbir bergema ... menjelang ... Muslimin dan ...mat mengucap ...hadrat Allah ...menggunakan ... yang sesuai itu ...meminta ampun ...kepada ibubapa.

... Raya yang ... dengan Sem-...Sunat Aidifitri itu ... dengan meng-...rumah terbuka ... satu kesempatan ...jung mengun-... bermaafan.

...Masjid Omar Ali ... di Ibu negara ...Duli Yang Maha ...Paduka Seri Bagin-...dan Yang Diper-...angkat bersama Kerabat Diraja yang lain untuk bersama-sama rakyat Baginda bersembahyang.

Baginda dengan murah hati telah menerima rakyat Baginda untuk junjung ziarah kepada Baginda di Istana Darul Hana selama tiga hari berturut-turut mulai Hari Raya Kedua hingga Hari Raya keempat.

Kesempatan yang begitu rupa tidak diabaikan begitu saja oleh rakyat Baginda yang datang dari seluruh pelusuk negara untuk junjung ziarah dan menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya.

Di Istana Darul Aman Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bersama Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga berkenan menerima ziarah rakyat Baginda pada Hari Raya Keenam.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei telah berkenan menerima ziarah rakyat Baginda di Istana Darul Hana. Bersama Baginda ialah Kerabat Diraja yang lain. Gambar atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama ayahnda Baginda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan anakda Baginda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah sedang menerima ziarah rakyat Baginda. Antara lain-lain Kerabat Diraja termasuklah Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah (gambar bawah kiri). Gambar bawah kanan — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultandan Yang Dipertuan bersama Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ber kenan menerima ziarah Di Istana Darul Aman.





...-gambar kanan dan bawah kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan ayahnda Baginda Duli Yang Teramat Mulia ... Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien sedang dikerumuni oleh rakyat Baginda ... selesai menunaikan Sembahyang Raya di Masjid Omar Ali Saifuddin.





# SEPAK TAKRAW SEMPENA PERAYAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Buat kali yang ke-22 Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) akan menganjurkan perlawanan sepak takraw bagi perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei tahun ini.

Perlawanan ini dibukakan kepada jabatan-jabatan kerajaan, kelab-kelab sekolah-sekolah dan persatuan-persatuan yang sah berdaftar dengan kerajaan seluruh negara.

Manakala pasukan yang telah menduduki tempat pertama, kedua, ketiga dan keempat di kejohanan tahun lepas adalah dengan sendirinya dibolehkan memasuki peringkat suku akhir.

Bayaran masuk bagi satu pasukan ialah $15.00 dan dua pasukan dikenakan $25.00 dan hendaklah dikembalikan dengan borang masuk tidak lewat dari 7hb Ogos bagi Daerah Brunei-Muara manakala bagi Daerah-daerah Tutong, temburong dan Belait ditetapkan oleh pengerusi masing-masing.

Sebelum perlawanan dimulakan, persidangan atau satu perjumpaan akan dilangsungkan pada 7hb. Ogos jam 3.30 petang bagi Daerah Brunei-Muara di Dewan PGGMB sementara daerah yang lainnya akan ditentukan oleh pengerusi masing-masing.

Kejohanan sepak takraw kali ini akan memperuntukkan hadiah berupa wang tunai dari PGGMB iaitu bagi johan akan menerima sebanyak $130.00, naib johan $80.00 dan ketiga serta keempat masing-masing menerima $40.00.

Dalam menjelaskan tujuan kejohanan ini, pengerusi pertandingan Awang Hj. Tuah bin Nordin mengatakan di samping ing bertujuan untuk menyambut Hari Keputeraan ianya juga adalah bagi menarik minat sukan ini lebih ramai menyertainya di samping untuk mengembangkan dan meningkatkan permainan sepak takraw ini.

Bagi pasukan yang ingin menyertainya, borang-borang boleh didapati sekarang dari Pengerusi Perlawanan Awang Hj. Tuah bin Nordin di Bahagian Pendidikan Jasmani, Awang Mokti bin Ghani di Sekolah Rendah Dato Ahmad atau di Ibu Pejabat PGGMB di Bangunan Guru-Guru Melayu Brunei.

## Empat terima dermasiswa kerajaan

BERAKAS — Seramai empat orang kakitangan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei telah dikurniakan Dermasiswa Kerajaan bagi mengikuti satu kursus kemahiran di bidang pemeliharaan pesawat udara selama tiga tahun di New Zealand.

Mereka ialah Awang Maidin bin Sabtu, Ak. Yasmin bin Pg. Haji Wahab, Awang Abd. Rahim bin Haji Bini dan Awang Ariffin bin Garip.

Satu majlis menandatangani surat-surat perjanjian telah dilakukan di hadapan Pemangku Pengurus Umum Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Awang Peter North dan Pengurus Kejuruteraan syarikat tersebut, Awang Dick Webster. Majlis tersebut telah diadakan di bilik persidangan Hangar RBA, Lambak, Berakas, pada hari Jumaat lepas. Turut menandatangani surat-surat perjanjian tersebut ialah para penjaga mereka.

Mereka akan berlepas meninggalkan negeri ini pada 16hb. Julai dan semasa berada di New Zealand nanti mereka akan di tempatkan di Penerbangan Udara New Zealand, Christchurch.



Gambar menunjukkan majlis menandatangani perjanjian tersebut yang berlangsung dibilik persidangan Hangar RBA.



Sebahagian daripada kanak-kanak yang mengikuti perkampungan. tersebut. — Gambar Ehsan DBP

# SEMUA KUMPULAN BERTANGGUNGJAWAB BIMBING KANAK2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kesedaran untuk sama-sama memikul tanggungjawab membimbing kanak-kanak untuk menjadi rakyat yang baik tidak semestinya dilakukan oleh sekolah atau ibu bapa saja bahkah perlu juga dilakukan oleh kumpulan-kumpulan masyarakat yang lain.

Demikian ditegaskan oleh Pmk. Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dy. Fatimah bte Hj. Md. Hussin di Majlis Perkampungan Kanak-Kanak anjuran Perpustakaan Kanak-Kanak yang dikendalikan oleh Persatuan Asterawani di Balai Pameran DBP. di sini.

Katanya, kegiatan-kegiatan yang diadakan oleh bahagian perpustakaan seperti bercerita, berlakun, peraduan membaca dan lain-lain adalah semata-semata untuk menarik serta menggalakkan tabiat suka membaca di kalangan kanak-kanak, di samping kesedaran yang tabiat gemar membaca tidak akan ada kalau tidak dimulai dari awal.

"Sikap meletakkan buku-buku di hadapan anak-anak dan memaksa mereka membaca adalah sikap yang perlu dikurangkan kerana sikap sedemikian akan membunuh keinginan mereka untuk membaca dan bila ini terjadi yang rugi adalah negara ini juga," tambah beliau.

Oleh kerana itu, ujarnya lagi, kegiatan-kegiatan tersebut mempunyai kaitan yang banyak dengan hasrat untuk menjadikan kanak-kanak gemar membaca buku bukan saja semasa kecil bahkan juga apabila mereka sudah dewasa.

Dalam pada itu Pmk. Timbalan Pengarah DBP itu juga menyeru kanak-kanak supaya menggunakan dengan baik setiap peluang yang terdapat di bilik perpustakaan dan mengingatkan bahawa tujuan mereka untuk perpustakaan bukanlah untuk main tambi, main pasik atau untuk menggoyakkan buku tetapi untuk mencari ilmu pengetahuan dengan membaca atau mengikuti lain-lain kegiatan.

Sehubungan dengan itu beliau berharap agar ibu bapa juga sama-sama menyedari bahawa perpustakaan adalah tempat yang sesuai untuk memupuk bakat atau tabiat membaca. Bagaimanapun, jelasnya tidaklah bermakna mereka memaksa ibu bapa menghantar anak-anak mereka sehari suntuk di perpustakaan kerana pihaknya juga sedar yang anak-anak juga menghendaki masa rehat di rumah masing-masing.

Selanjutnya beliau berharap anak-anak akan berhibur dengan semangat ingin menjadi anak-anak yang baik tingkah laku, bijak dan mempunyai cita-cita yang tinggi.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Ketua I Asterawani, Awg. Sumadi Sukaimi, kakitangan jabatan tersebut serta ahli-ahli Persatuan Asterawani.

Antara acara yang dipersembahkan termasuklah drama pendek, soaljawab tata-susila, mari bercerita dan peraduan membaca sajak. — ASM.

## Ujian lisan bahasa Inggeris

BANDAR SERI Be... WAN. — Lembaga... periksaan Brunei ... umumkan kepada ... calon persendirian ... ujian lisan bahasa ... sebagai bahasa kedua ... Peperiksaan Sijil Pe... Singapura Cambridge ... ingkat 'O' (Aliran M... 1983 akan dijalankan ... Pusat-Pusat Ujian ... ditetapkan dan ... tarikh-tarikh yang ...

Di Pusat 832 di Se... Menengah Arab Lel... Hassanal Bolkiah ... sat 827 di Sekolah ... Pusar Ulak di ... pada 26hb dan 27hb ...

Pusat 824 di Se... Menengah Melayu ... Hashim, Tutong, ... 30hb Julai, Pusat ... Sekolah Menengah ... Ahmad Tajuddin ... Belait pada 4hb ... Pusat 825 di Se... Menengah Melayu ... Hassan, Bangar pada ... Ogos dan Pusat ... Sekolah Menengah ... Perempuan RIPAS ... 28hb Julai, hingga ... Ogos.

## LONDON CHAMBER OF COMMERCE

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Peperiksaan Brunei kini sedang membuat persediaan untuk mengadakan London Chamber of Commerce and Industry (Private Secretary's Certificate Examination) dalam bulan Disember, 1983.

Antara mata pelajaran yang ditawarkan ialah Structure of Business, Communication, Shorthand, Typewriting Duties, Office Organisation and Secreta... cessing.

Borang-borang ... saan boleh diper... Pejabat Lembaga ... saan, Brunei. ... borang yang telah ... bersama bayaran ... peperiksaan ... kembalikan kepada ... jabat Lembaga ... saan Brunei ... dari 21hb Julai ... Borang-borang ... diterima pada ... tersebut tidak ... layan.

# PENYAKIT: MENCEGAH LEBIH BAIK DARI BERUBAT




...kita tingkatkan ...takwa kita ...Allah s.w.t. ...benar-benarnya ...menjunjung ...ah-Nya dan ...arangan-Nya.

...lapangan per... satu kaedah ...terpakai untuk ...penyakit dari- ...seseorang. ...itu bermaksud ...langkah menjaga ...penyakit lebih ...pada berubat ...kena penyakit. ...amat besar ...bagi kesempur- ...hatan. Jika ia ...sudah tentu ...akan jadi ber- ...dan khidmat ...akan dapat ...

...Islam ada satu ...yang seakan-akan ...dengan kaedah per- ... iaitu apabila ...tahui di satu- ...itu ada orang- ...membuat maksiat, ...lah kita jangan ...dalam kumpulan ...itu. Maksud- ...bagi menghin- ...dari tercebur ...maksiat atau ...kurang terjatuh ...melakukannya.

...ulama ber- mazhab Syafie bernama As Syekh Al-Imam Abdullah Ba'alawi Al-Haddad dalam kitabnya 'An-Nasaihu Wainiah', ada mengatakan seperti berikut:

"Dalam agama kita ada suatu keterangan yang isi lengkapnya adalah sebagai berikut:

Sesungguhnya orang yang menyaksikan kemungkaran dan ia tidak mengingkarinya, pada hal kuasa untuk berbuat demikian, maka orang yang semacam itu adalah bersyarikat dalam hal dosanya dengan orang-orang yang melakukan kemungkaran tersebut (dosa yang dipikulnya sama besarnya).

Demikian pula orang yang rela dengan adanya kemungkaran tadi, sekali pun ia menghindari atau ikut menyaksikan tempat dilakukan kemungkaran itu (juga sama berat dosanya dengan yang melakukan sendiri), sekali pun antara orang tadi dengan tempat kemungkaran itu dilakukan sejauh jarak antara penjuru sebelah Timur dan penjuru sebelah Barat.

Adapun orang yang mempergauli, mencampuri serta berkumpul dengan orang-orang yang mungkar itu, sekali pun ia sendiri tidak ikut melakukan maka di sisi Allah orang itu pun termasuk dalam golongan ahli mungkar (sama pula besarnya dosa yang dipikul). Manakala ahli mungkar itu didatangi seksa Allah, orang itu pun akan terkena bersama mereka. Jadi tidak seorang pun akan dapat menyelamatkan diri atau pun terhindar (dari seksa), melainkan dengan jalan melarang berlakunya mungkar tersebut, kemudian jika tidak dilarang wajiblah menjauhi dan memisahkan diri dari mereka andainya ternyata mereka tidak menerima nasihat dan enggan patuh kepada kebenaran dan hak.

Menyayangi ahli taat kerana mengharapkan keredaan Allah dan juga membenci ahli maksiat kerana Allah adalah termasuk sekukuh-kukuh tali pengikat keimanan. Sebenarnya prinsip Islam di atas tidaklah bertentangan dengan tuntutan agama supaya kita membenteras maksiat iaitu sama ada dengan jalan mengunakan tangan (kuasa atau kekuatan), atau lidah (nasihat yang baik sama ada menerusi lisan atau tulisan atau sebagainya), atau engkar dengan hati dengan erti kata kita anti kepada maksiat itu. Ini tidaklah bermakna kita mesti bercampur gaul, misalnya sama-sama duduk dengan ahli-ahli judi, sama-sama duduk dengan penagih-penagih arak, sama-sama pergi ke rumah-rumah pelacuran dengan orang kaki perempuan dan sebagainya sekali pun ia tidak membuat maksiat-maksiat itu. Kerana dengan bercampur gaul dengan kaki-kaki maksiat itu pastilah kita mendapat dosa yang sama jika tidak mengengkarinya. Bahkan kalau kurang-kurang iman mungkin kita terikut-ikut dan akhirnya menjadi ahli maksiat yang setia pula. Jadi kumpulan-kumpulan maksiat adalah lebih selamat dan lebih baik daripada bercampur gaul dengan mereka.

Prinsip-prinsip agama ini patut kita jadikan kaedah dalam mengadakan sesuatu perkara misalnya majlis keramaian, jangan sampai di sana dijemput orang membaca doa selamat, tetapi dalam majlis yang sama ada perkara maksiat seumpama tari menari dan minuman haram. Kerana majlis-majlis seumpama itu bukan sahaja tidak mendapat faedah dari doa yang dibaca tetapi membawa dua akibat: pertama, orang-orang yang menganjurkan dan mengadakan majlis itu mendapat dosa. Dan kedua-duanya orang itu pula menyeret orang-orang Islam yang lain bersubahat ke dalam dosa yang sama.

Dari itu marilah jadikan ajaran-ajaran agama kita itu sebagai pegangan dan amalan hidup kita supaya kita sekalian terselamat dari melakukan dosa terhadap Allah s.w.t. dan terselamat dari membawa orang lain ke dalam dosa yang sama.

## 'BISMILLAH' ASAS BERKAT USAHA

**Oleh**
**Hj. Mohd. Nor Lubis bin Abd. Razak**

**Bingkisan minggu ini**

Melangkahkan kaki, menghayunkan tangan untuk bekerja atau untuk membuat sesuatu perkara, adalah satu kelaziman yang sentiasa kita lakukan. Melakukan sesuatu pekerjaan itu, terkadang boleh membawa akibat kerugian dan kesiasiaannya terkadang pula dapat membawa keuntungan dan kemanfaatannya. Siapapun tidak akan menghendaki terjadinya kerugian atau kesiasiaan usaha dan kerjanya itu, dan yang jelas, bahawa dia hanya mengharapkan kemanfaatan atau keberkatannya.

Di dalam agama kita Islam, ada beberapa usaha atau kerja kita yang diberkati, ada pula yang sebaliknya. Yang dimaksudkan keberkatan usaha itu ialah: Adanya manfaat serta bertambah kebaikannya, walaupun pada zahirnya terkadang tidak kelihatan manfaatnya, akan tetapi pada hakikatnya adalah bermanfaat.

Adapun yang di sebaliknya ialah usaha yang tidak berkat, walaupun pada zahirnya ada manfaatnya, namun pada hakikatnya betul-betul tidak berguna atau tidak menguntungkan. Dalam satu hadis Rasulullah s.a.w. menjelaskan, mengapa usaha atau perkara yang kita lakukan itu tidak berkat atau tidak diberkati.

Sabdanya yang bermaksud: **"Setiap usaha atau perkara yang baik tidak dimulai dengan membaca BISMILLAHI-RAHMANNIRAHIM maka usaha atau perkara itu tidak akan berkat."**

Jelaslah mengapa setiap usaha atau pekerjaan itu tidak diberkati atau tidak bermanfaat, iaitu kerana tidak dimulai dengan membaca Bismillahirahmannirahim, sebaliknya pula kalau dimulai dengan membaca Bismillah, sudah pasti akan diberkati oleh Allah.

Membaca Bismillah di awal sesuatu pekerjaan itu tidaklah berat sangat, mungkin ada orang yang menganggap perkara membaca Bismillah dipermulaan usahanya sebagai perkara yang remeh-temeh, atau tidak begitu mustahak, akan tetapi kita sebagai seorang muslim, yang cintakan keberkatan usaha, alangkah baiknya kalau kita tetap mengamalkan membaca Bismillah di setiap permulaan usaha atau pekerjaan kita, pada bila-bila masa sahaja, sama ada pekerjaan besar ataupun kecil.

Seperti ketika mahu melangkahkan kaki, ketika mahu makan, minum, ketika mahu menghidupkan enjin kereta, ketika mahu duduk dan sebagainya. Marilah kita membiasakan membaca Bismillah di setiap awal permulaan usaha atau kerja kita, nescaya Allah akan memberkatinya.

## Upacara sembahyang Hari Raya

PEKAN BANGAR. — Upacara Sembahyang Hari Raya Aidilfitri di Masjid Utama Mohammad Salleh sebagaimana di masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negara telah dimulakan tepat pukul 7.30 pagi.

Sejak awal-awal pagi lagi umat Islam dari segala peringkat umur berduyun-duyun ke sana untuk bersama-sama mengumandangkan takbir dan tahmid memuji-muji keagungan dan kebesaran Ilahi.

Selasai menunaikan sembahyang, mereka beramai-ramai saling kunjung-mengunjungi sanak saudara. Kalangan yang bukan beragama Islam juga turut menziarahi dan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada teman-teman mereka yang beragama Islam.

Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Muhammad selaku ketua pentadbir tidak ketinggalan sebagaimana lazimnya telah turut mengadakan 'Rumah Terbuka' bagi kunjungan orang ramai.

## Pengambilan calon Ketua Kampung

TUTONG. — Satu Majlis pengambilan calon bagi Ketua Kampung Lubok Pulau akan diadakan pada Jumaat ini, jam 2 petang bertempat di Balai Raya Kampung tersebut.

Penduduk-penduduk di sekitar Kampung Lubok Pulau yang berumur 21 tahun ke atas adalah diminta supaya dapat hadir ke majlis berkenaan.

Mereka yang hendak menjadi calon mestilah berumur 30 tahun ke atas dan sudah bermastautin sekurang-kurangnya tiga tahun dalam kampung-kampung berkenaan.

Setelah dilantik mereka dikehendaki bermastautin secara tetap dalam kampung tersebut.

Mereka mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran atau yang seimbang dengannya atau Darjah VI sekolah Melayu.

Di samping itu mereka mestilah bukan Pegawai Kerajaan, Kakitangan Syarikat atau Badan Perniagaan.

Borang-borang pendaftaran untuk menjadi calon sekarang boleh diperolehi daripada Pejabat Daerah Tutong.

## ...Kursus ...enyeliaan

...SERI BEGA... — Seramai 18 ... Tingkatan ...mengikuti kursus ...selama 4 hari ...di Pusat La... ...Perjawatan ... Julai ini. ...ah Pencera... ...adalah terdiri ...pegawai-pegawai ...Pejabat Per...

## RALAT

...khutbah Jumaat ...pada keluaran ...lepas muka 5 te... ...cetak, bacaan ...itu ialah SE... ...PUASA MENG... ...KITA.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........

# HUKUM MENINGGALKAN SEMBAHYANG FARDU YANG LIMA



**Siri ke-192 (Bahagian 3)**

Berkata Al-Imam An-Nawawi dalam Minhajut-Talibin serta At-Tuhfah karangan Al-Imam ibnu Hajar:

Wajib disegerakan sembahyang Fardu yang lima yang telah lupa daripada orang yang wajib mengerjakan sembahyang itu, kiranya sembahyang Fardu itu lupa dengan tidak uzur, dan jika lupa sembahyang itu dengan ada uzur saperti lupa sembahyang itu dengan sebab tertidur yang tiada melampau pada tidur itu, atau dengan sebab lupa yang tiada melampau pada lupa itu, iaitu sekira-kira tiada berlaku tidur atau lupa itu dengan taksir atau cuai, melainkanlah berlaku lupa itu dengan taksir atau cuai seperti lupa sembahyang dengan sebab main catur, maka wajib disegerakan, atau sebab jahil akan hukum sembahyang dengan sebab ia tinggal jauh daripada orang Islam, dia dipaksa meninggalkan sembahyang Fardu, atau ia membuat suatu perkara yang berlawan dengan sembahyang, maka sunat disegerakan sembahyang, sebab diwajibkan di segerakan qada sembahyang ketika tiada uzur atau sunat disegerakan qada sembahyang ketika ada uzur, supaya segera kita selesaikan tanggungan kita pada sembahyang itu.

Sunat ditertibkan sembahyang Fardu yang lupa dengan ada uzur itu dan di dahulukan sembahyang lupa dengan ada uzur itu dari sembahyang Fardu yang telah ada sedia hadir yang tiada ditakuti akan luputnya dari waktunya, sekalipun ia takut luput jemaah menurut kaul Muktamad, supaya kita keluar dari hilaf yang mengatakan bahawa wajib tertib dan wajib di dahulukan sembahyang yang luput dari sembahyang yang sedia ada itu.

Di sini dapat kita faham dari perkataan Al-Imam Al-Nawawi, penyusun Mazhab Al-Imam Shafie dan dari Al-Imam Ibnu Hajar kedua-duanya pakar dalam Mazhab Al-Imam Shafie': Bahawa sembahyang Fardu yang luput dengan tiada sebarang uzur, atau ditinggalkan sembahyang Fardu itu dengan senghaja atau dicuaikan sembahyang Fardu itu dalam pelayaran, dalam menonton hiburan, dalam hadir Majlis-majlis Maulud dan Majlis-majlis orang kahwin atau Majlis-majlis Mesyuarat dan seumpamanya, maka wajib dikerjakan sembahyang Fardu yang dilengahkan dengan senghaja itu, dengan dibuat sembahyang Fardu yang dilengahkan itu selepas dari waktunya itu dengan segera tiada boleh berlengah-lengah lagi, kerana wajib menyelasaikan tanggungjawab yang telah dipikulnya itu daripada dirinya.

Perkataan Al-Imam An-Nawawi dan Ibnu Hajar itu disetujui Al-Imam Ramli dalam kitabnya An-Nihayah dalam perkara menyegerakan qada sembahyang Fardu yang luput dengan tiada uzur, dan sunat menyegerakan qada sembahyang yang luput dengan ada uzur, dan bersetuju pula dengan perkataan Al-Imam An-Shirbini Al-Hatab dalam Al-Mughni, dan bersetuju dengan perka... mah Al-Mali... Fathul Mu'i... Alamahis-Syed... dalam Al-I... bersetuju den... taan Syeikh... Zakaria Al-A... Alamnahbah da... Al-Bijirimmi da... Sulaiman Ja... Hashiayatul M...

Inilah sete... tengah kaul U... perkara wajib q... perkara wajib... Fardu yang d... sama ada de... atau tiada uzu... mereka adala... yang dii'timad... dibuat Fatwa.

---

# TIDAK ADA SEBAB MERENDAH DIRI

Dari muka 2

menampak cara dan jalan penglibatan itu hanya melalui peti undi dalam pilihan-pilihan raya. Tetapi jika diamati-amati ternyata bahawa cara yang sedemikian itu hanyalah suatu bentuk yang sudah diamalkan menurut sistem dan falsafah politik moden sedangkan dalam masa yang sama sistem dan falsafah politik moden itu masih memberi ruang bagi wujudnya berbagai-bagai bentuk dan susunan Kerajaan dan pemerintahan menurut keperluan yang berlainan. Kerana itu banyak negara sudah menerima pilihanraya sebagai sebahagian daripada way of lifenya sebagaimana juga ada negara-negara yang tidak berpilihan raya tetapi Kerajaannya masih dapat berfungsi dengan baiknya — iaitu mendapat sokongan yang menyeluruh dari rakyat, melaksanakan program-program pembangunan dengan jayanya, berkesan dalam melaksanakan dan menguatkuasakan peraturan dan undang-undang yang menjamin kesejahteraan rakyatnya, dan mampu membaiki taraf hidup rakyat, memajukan negara dan meletakkan bangsanya sebagai sama bermaruah dan berdaulat di kalangan masyarakat antarabangsa.

Dengan yang demikian melihat kepada diri kita, negara kita maka tidak ada sebab untuk kita merasa kekurangan dan rendah diri sehingga merasakan tiada sebarang penglibatan rakyat dalam Kerajaan padahal selama ini kita telah terlibat dan dilibatkan dalam program-program kemajuan dan perkembangan sosio ekonomi, kita telah membuktikan sikap yang teguh menyertai Kerajaan dalam usaha-usaha mewujudkan dan mengekalkan ketenteraman serta keselamatan, dan yang lebih penting dari kesemua penglibatan itu (sekalipun tidak dinampak dengan mata kasar) ialah kita telah memberi sumbangan yang sangat bermakna pada melemahkan pengaruh pengaruh anasir yang menentang Kerajaan.

Dalam pada itu kita tentu sama sependapat bahawa sumbangan kita atau penglibatan dan penyertaan kita selama ini belumlah lagi pupus dan rapus. Ia sungguhpun telah berkesan dalam menjamin Kerajaan yang berfungsi tetapi tidak pula bermakna penglibatan dan penyertaan kita mendukung Kerajaan tidak boleh dan tidak patut dikembangkan dan ditingkatkan. Sebab perkara sumbangan dan penglibatan ini adalah dipengaruhi oleh perkembangan yang berterusan yang akan dihadapi oleh bangsa dan negara kita. Kita percaya dan menaruh keyakinan perkembangan di masa-masa yang akan datang akan memberi corak kepada sumbangan, penglibatan atau penyertaan kita dalam mendukung Kerajaan.

Masa yang datang itu kita maksudkan ialah selepas kemerdekaan di mana cabaran berikutan daripada pencapaian kemerdekaan itu akan terpaksa dihadapi oleh negara iaitu kerajaan dan rakyat dengan lebih teliti dan titah menurut kesesuaian dengan iklim Brunei Darusalama.

Jika cabaran selepas kemerdekaan itu ialah dalam makna membangun, mengukuh serta memelihara kepentingan-kepentingan kita yang sebenar di dalam negara yang merdeka maka kita dapat menduga kemajuan yang berterusan selepas kemerdekaan dari segi sosio ekonomi iaitu sekurang-kurangnya selama mana kedudukan ekonomi mengizinkan negara membelanjai program-program pembangunan, tetapi dalam masa yang sama kemajuan akan menjadikan kita lebih concern terhadap hal ehwal negara memerlukan rakyat mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menentukan untung nasib dan maruah negara maka dengan sendirinya penglibatan rakyat sangat penting difikirkan.

Kita percaya strategi pembangunan negara yang selama ini sudah ternyata terbukti mendatangkan faedah kepada rakyat akan dapat diterima menjadi asas perkembangan selepas merdeka. Cabaran pembangunan pada ketika itu nanti akan bertumpu kepada corak serta kepesatannya dalam memenuhi aspirasi rakyat dan negara. Tetapi itu tidak bermakna semua masalah yang bersangkutan paut dengan rakyat dalam mendukung Kerajaan sudah selesai dan sempurna. Sebab kita jangan lupa bahawa memenuhi ekspetasi terhadap kemerdekaan sebahagian besarnya ialah dengan menggerakkan suatu perpaduan yang kukuh di kalangan semua lapisan rakyat bagi mendukung Kerajaan. Kerana itu kita setentunya akan memilih jalan-jalan yang sesuai pada menentukan rakyat sentiasa bersama dengan Kerajaan dalam pahit manis pengalaman negara selepas kemerdekaan nanti.

Dalam hubungan ini, pada hemat saya, masalah kita yakni rakyat pada masa ini ialah kita cenderung membanding-bandingkan kemajuan yng dicapai oleh negara-negara lain dengan apa yang belum dan apa yang sepatutnya kita capai di negara ini. Dalam berbuat sedemikian itu sebahagian besar daripada kita mudah melupakan bahawa tidak semua apa yang baik bagi orang lain itu akan juga baik bagi kita. Begitu juga hampir rata-rata kita semua kurang menyedari akan keperluan kita kepada kemajuan itu iaitu kita bukan berkehendakkan kemajuan semata-mata kita mahu maju lalu berusaha mengadakannya tanpa mengambil kira akan kesesuaiannya dengan kepentingan yang sebenar. Maksudnya kita mestilah berhati-hati pada menentukan bahawa kemajuan yang mahu kita capai dan patut kita adakan itu ialah kemajuan yang dipercayai mendatangkan kebaikan kepada kita dan keturunan kita dan negara Brunei Darussalam — negara yang bertuhan iaitu Allah s.w.t., bersultan dan beradab sopan. Jika dan seandainya sesuatu kemajuan yang mahu dicapai itu tidak menolong pada memperkukuhkan ciri kenegaraan kita itu maka tidak ada sebab yang kuat untuk menjadi kita tergila-gila hendak mencapainya dan mengadakannya. Lain halnya kalau itu memang semata-mata ingin mencuba tetapi untung nasib kita dan negara kita bukanlah perkara yang boleh dicuba-... saya tidak fikir ... buat sedemikia... menyedari risiko...

Tuan-tuan da...

Tanggungjawa... terbesar dalam ... merdeka ialah ... tukan kemer... memberi manfa... semua dan ketu... masa akan data... manfaat tidak a... tanpa adanya ... patutan bagi ... nya. Dalam ... suasana hidup ... tiasa diliputi ... berkebajikan ... kita boleh ... cayaan bahaw... mengusahakan ... itu dengan ber... Allah s.w.t. Da... kita berharap ... paan kita ini ... sebahagian da... tersebut.

**....... tetapi kerajaan masih dapat berfungsi dengan baiknya - iaitu mendapat sokongan yang menyeluruh dari rakyat, melaksanakan program-program pembangunan dengan jayanya, berkesan dalam melaksanakan dan menguatkuasakan peraturan dan undang-undang yang menjamin kesejahteraan rakyatnya .........**

**Jika dan seandainya sesuatu kemajuan yang mahu dicapai itu tidak menolong pada memperkukuhkan ciri kenegaraan kita itu maka tidak ada sebab yang kuat untuk menjadikan kita tergila-gila hendak mencapainya dan mengadakannya.**

---

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan ... terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong ... burong mulai dari hari Rabu 20hb Julai, 198... ke hari Selasa 26hb Julai 1983 adalah ... bawah ini :

| Hari Bulan | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak |
|---|---|---|---|---|---|
| 20hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.41 |
| 21hb Julai | 12.32 | 3.50 | 6.42 | 7.53 | 4.42 |
| 22hb Julai | 12.32 | 3.50 | 6.42 | 7.53 | 4.42 |
| 23hb Julai | 12.32 | 3.50 | 6.42 | 7.53 | 4.42 |
| 24hb Julai | 12.32 | 3.50 | 6.42 | 7.53 | 4.42 |
| 25hb Julai | 12.32 | 3.50 | 6.42 | 7.53 | 4.42 |
| 26hb Julai | 12.32 | 3.49 | 6.42 | 7.53 | 4.43 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak ... Belait hendaklah ditambah tiga minit pada ... waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negeri ... mulai dari pukul 12.45 tengah hari.





# MAJLIS RAMAH MESRA PENERANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira-kira 500 orang peserta yang pernah mengikuti Siri Taklimat anjuran Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan bagi tahun 1981 — 83 telah menghadiri Majlis Ramah Mesra Penerangan sempena Hari Raya Aidilfitri bertempat di Pusat Belia di sini pada hari Ahad lepas.

Majlis pada pagi itu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh naib johan qari seluruh negeri tahun 1983, Awang Daud bin Abd. Kadir. Ini disusuli pula dengan ucapan oleh pengerusi majlis Awang Momin bin Ahmad. Setelah itu para tetamu diberi peluang untuk menyampaikan sedikit ucapan di majlis tersebut.

Di akhir majlis Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin telah menyampaikan ucapannya yang begitu bernas dan padat sambil para jemputan menikmati jamuan ringan. Dalam ucapannya beliau banyak menyentuh berkenaan dengan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam dan peranan rakyat dalam mengisi kemerdekaan tersebut.

Sambutan yang serupa juga akan diadakan di tiga daerah yang lain, iaitu di Daerah Tutong pada 22hb. Julai; Daerah Belait pada 24hb. Julai dan Daerah Temburong pada 29hb. Julai. Majlis seumpama ini adalah yang julung-julung kali diadakan oleh Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan.

...menunjukkan mereka yang menghadiri majlis ... gambar bawah naib johan qari seluruh negeri, ... Abd. Kadir ketika membaca ayat-ayat suci





# 29 ANAK2 YATIM TERIMA DERMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 29 orang anak-anak yatim telah menerima derma sebanyak $95.00 beserta sekotak minuman dan sebungkus makanan tiap-tiap seorang dalam satu majlis Sambutan Anak-anak Yatim Mukim Saba di Dewan Sekolah Ugama Raja Isteri Anak Saleha pada 8hb. Julai, petang hari Jumaat lalu.

Derma-derma itu telah disampaikan oleh Tetamu Kehormat di majlis itu Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin, Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Dalam ucapannya, antara lain beliau melahirkan rasa bangga yang persatuan PERKASA sebagai sebuah persatuan kebajikan tidak kendur-kendur menjalankan beberapa projek yang menampakkan kegigihan semangat kerja sukarela pemimpin-pemimpin dan ahli-ahlinya misalnya dalam mengusahakan bantuan kepada anak-anak yang sedikit kurang bernasib baik seperti yang diperlihatkan pada hari itu.

Kegiatan-kegiatan seperti itu, tambah Awang Haji Mohammad, secara tidak langsung memungkinkan persatuan itu berkerjasama dengan penduduk setempat walaupun tidak keseluruhan mereka menjadi ahli kepada persatuan.

Keadaan ini secara tidak langsung akan membolehkan kita memecahkan tembuk pemisah antara golongan muda dan tua atau 'generation gap', jelas Pegawai Daerah itu selanjutnya.

Majlis pada petang itu dimulakan dengan bacaan Al-Quran kemudian diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi sambutan, Ustaz Awang Junaidi bin Haji Abdullah. Ianya juga telah diserikan dengan persembahan nasyid dan Zikir Maulud.

Wang dan hadiah-hadiah yang didermakan itu adalah disumbangkan oleh Awang Murni bin Pengarah Haji Mokti (Syarikat Amas dan keluarga) sebanyak $3,000.; Awang Haji Hassan bin Metali sejumlah $145 dan $290 lagi dari Syarikat Perniagaan shalatif Muhammad & Anak-anak, Kampung Pintu Malim.

Sambutan yang ditaja oleh Syarikat Amas dan keluarga itu telah diakhiri dengan bacaan doa selamat.

Turut hadir di majlis itu termasuklah Penghulu Mukim Saba, ahli-ahli jawatankuasa sambutan, pegawai-pegawai Pejabat Daerah Brunei dan Muara; dan penduduk sekitarnya.



**Salah seorang daripada anak yatim sedang** menerima **daripada Awang Haji Mohammad.**

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

## dari 23hb. hingga 26hb. Julai 1983

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Jerudong | 23.7.1983 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 23.7.1983 | Sabtu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 23.7.1983 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 23.7.1983 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 23.7.1983 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 23.7.1983 | Sabtu | 4.30– 5.30 „ |
| Di hadapan Rumah Penghulu Kampung Serasa | 24.7.1983 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lerna, Muara | 24.7.1983 | Ahad | 10.15–11.15 „ |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 24.7.1983 | Ahad | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 25.7.1983 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Berhadapan Kedai Kampung Perpindahan Berakas | 25.7.1983 | Isnin | 3.30– 4.30 „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 26.7.1983 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 26.7.1983 | Selasa | 10.30–11.30 „ |

# Peraduan pintu gerbang dan ber

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Pintu Gerbang dan Bercucul akan diadakan sebagai salah satu acara perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-37 tahun bagi Daerah Brunei-Muara.

Peraduan tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Pintu Gerbang Jalan Raya, Pintu Gerbang Kawasan dan bercucul sekolah-sekolah dan rumah-rumah serta bercucul bangunan-bangunan dan kedai-kedai.

Pintu Gerbang Jalan Raya hendaklah dibina disepanjang Jalan Tutong sementara pintu gerbang kawasan dan bercucul sekolah-sekolah dan rumah-rumah adalah meliputi kawasan Bandar Seri Begawan, Jalan Kota Batu hingga simpang Mentiri/Muara, Jalan Muara hingga batu 7, Jalan Berakas hingga Kampung Lambak ... Berakas, ... hingga ... Jalan T... Tutong ... Sengkurong

Bercucul ... bangunan ... adalah ... Bandar Seri ...

Segala ... dan ... boleh ... Pengerusi ... Peraduan ... Bangunan ... Raya, ... Terbang ...

# PANDUAN SISTEM EJAAN RUMI BARU BAHASA MELA

**Pelajaran 5 : Sistem Keselarasan Huruf Vokal Berubah**

**Ada lapan pola keselarasan huruf vokal yang berubah.**

**1) Vokal a bertemu e taling menjadi a — i**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| aleh | alih |
| balek | balik |
| tarek | tarik |
| faseh | fasih dsb. |

**Kekecualian : aneh, awet, pamer.**

**2) Vokal a bertemu o menjadi a — u**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| alor | alur |
| batok | batuk |
| kayoh | kayuh |
| sador | sadur dsb. |

**Kekecualian : calon, lakon, lapor, perabot.**

**3) Vokal e pepet bertemu e taling menjadi e pepet — i**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| lebeh | lebih |
| lembek | lembik |
| leteh | letih |
| terek | terik dsb. |

**Kekecualian : gembleng.**

**4) Vokal e pepet bertemu o menjadi e pepet — u**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| keloh | keluh |
| penoh | penuh |
| renong | renung |
| telor | telur dsb. |

**Kekecualian : jempol.**

**5) Vokal i bertemu e taling menjadi i — i**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| bilek | bilik |
| itek | itik |
| kikek | kikik |
| pileh | pilih dsb. |

**6) Vokal i bertemu o menjadi i — u**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| hitong | hitung |
| indok | induk |
| lindong | lindung |
| tidor | tidur |

**7) Vokal u bertemu e taling menjadi u —**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| kueh | kuih |
| puleh | pulih |
| puteh | putih |
| usek | usik |

**Kekecualian : tulen.**

**8) Vokal u bertemu o menjadi u —**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| burong | burung |
| hulor | hulur |
| puloh | puluh |
| tudoh | tuduh |

**PERINGATAN:**

Semua pertanyaan atau kemusykilan ... bolehlah ditujukan kepada Pemangku ... Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri ...

# RTB Intisari minggu ini

## Radio minggu ini:

# HARI RAYA TELAH BERLALU

R 80 jam siaran Bahagian Mela- ke udara pada yang baru lalu memberikan hiburan para pendengar tanahair. Siar- Bahagian Melayu hampir-hampir 80 telah sarat di- dengan lebih da- rancangan yang untuk siar- Raya itu.

menerbitkan se- buah rancang- di samping me- rancangan- harian bukan- satu tugas buat kaki- rancangan Radio

hari satu Rama- kitangan-kakitang- sudah mu- dengan 'arrange- dalam membuat sini . . . . ang- . . . . utus su- kumpulan-kum- dan para- booking studio, pass lintas ke studio. Se- merupakan pro- dalam menerbit- rancangan. demikian sa- menjadi seorang (penerbit) ka- dapat juga ar- masam muka di fikir saja, ka- 'recording' sam- 12.00 tengah ma- jam makan

melaksanakan di Tutong atau di Kuala Belait, pula 'producer' terpaksa bawa satu teman 'driver' untuk ganyi-ganyi pandu mobil. Maklum saja Pesta Ria selesai jam 12.00 tengah malam. Juruhebah terpaksa membuat satu 'journey' hampir tujuh puluh batu pulang ke ibu kota, kerana esoknya perlu bangun awal-awal serentak dengan kokok ayam mahu 'duty' subuh-subuh jam 6.30 di studio. Kalau lewat duty para pendengar akan menyumpah . . . si Juruhebah tidak kerja . . . goyang kaki enak-enak. Orang-orang yang marah-marah tidak tahu Juruhebah mengantuk. Fikir saja baru tidur satu setengah jam. Orang ramai tidak perlu tahu itu semua, tidak ingin tahu; itu you punya Business, tak suka boleh 'resing' boleh jalan.

Fikirlah bulan puasa. Siapa pun banyak marah bukan si Juruhebah saja.

Satu sore di bulan Ramadan, jam 5.30 petang sudah lewat. Seorang Juruhebah wanita gesa-gesa mahu pulang. Di pintu 'lift' ia digamit juruhebah lelaki; 'Tunggu dulu Anne. Tolong ambil bahagian dalam drama Hari Raya ini. Peranan Sulasteri, Heroinnya. Recording jam 6.00, di studio B. Adoh! . . . time sungkai sudah hampir. Menyampah. Sudahnya si Juruhebah Anne angkat gagang telefon . . . putar-putar nombor . . . "hallo! Abang sungkai dulunya ya, Anne ada recording sekarang. Tinggalkan cindul tu sikit . . . . jangan dihabiskan".

Ya tugas tetap tugas. Sungkai tetap sungkai. Adik sungkai di studio. Abang sungkai di rumah. Seorang, kalau tidak bagaimana kakitangan-kakitangan rancangan kita 'success' dalam menerbitkan lebih dari 60 buah rancangan istimewa Hari Raya yang baru lalu.

Penulis ruangan meja pengelola tidak mahu puji-puji orang studio . . . kan itu masuk bakul angkat sendiri namanya.



KELIHATAN Jawatankuasa Tertinggi Pertandingan Bintang Remaja '83 sedang merundingkan Pertandingan Akhir yang akan diadakan bulan Ogos akan datang.

Pertandingan Bintang Remaja 83 peringkat akhir yang dijangka akan diadakan pada hari Sabtu, 6hb Ogos depan, ditunda kepada hari Sabtu 20hb Ogos 1983 akan datang.

Perubahan tarikh ini adalah untuk mensesuaikan masa sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-37 tahun.

## 'JEJAK LANGKAH' – Sandiwara minggu ini

UNTUK keluaran Sandiwara Radio Minggu Ini, JEJAK LANGKAH tulisan Noorianie Mohd Baidzawie telah terpilih untuk mengisikan ruangan ini.

Penulis mengemukakan tentang kegigihan seorang anak sulung yang bertanggungjawab terhadap adik-adiknya yang masih memerlukan bantuan dan untuk membalas jasa ibunya yang telah membesarkan dan mendidik mereka tanpa bantuan dari seorang bapa.

Emran terpaksa berhenti dari persekolahannya demi untuk melihat kejayaan adik-adiknya. Dengan berusaha sendiri menternak ayam dan berkebun, dapatlah Emran menampung pendapatan keluaran mereka.

Walaupun tergendala pelajarannya, Emran masih tidak berputus-asa untuk mencapai cita-citanya yang telah terbengkalai. Akhirnya dia berjaya memasuki universiti seperti yang dicita-citakannya dari mula.

Ketika menuntut di universiti, Emran telah bertemu dengan seorang gadis bernama Maryatie yang banyak menyerupai adiknya Haryatie. Bila Maryatie mengajak Emran menemui bapanya, maka terbongkarlah satu kisah yang selama ini tidak Emran ketahui, yang berkenaan dengan pertalian kekeluargaannya sendiri.

Apakah kisah yang terbongkar itu? Bagaimana pula dengan pelajaran Emran, berjayakan dia mencapai cita-citanya ? Dan bagaimana pula halnya dengan keluarganya yang ditinggalkan di kampung? Untuk jawapannya, ikutilah siarannya pada 24hb Julai, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Abdul Raman.



LOOK at those cheerful faces of our panel members — from right Awang Rohan De'Silva, Dayang Joylyn Pascual, Dayang Siti Zaleha Haji Kaprawi and of course the chairlady Dayang Hayati bte Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Md Salleh after discussing the subject "HEALTH IS MORE IMPORTANT THAN WEALTH". They ended up in having both health and wealth . . . they share their views with us on Sunday 24th July at 11.00 a.m. on this station.

# Rancangan TV Pendidikan dari 25hb. hingga 30hb. Julai, 1983

### ISNIN — 25HB JULAI

LOOK, LISTEN AND SPEAK 18
(Local Flowers And Local Trees)
Dalam rancangan minggu ini murid-murid akan diajar mengenali sebahagian nama bunga-bunga dan pokok-pokok yang terdapat di negeri ini. Di Magic Pool, murid-murid akan diajar beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'r'. Murid-murid juga akan dapat mengikuti dua buah teka-teki dalam rancangan ini.

SAINS UNTUK DARJAH 6
(Magnet 2).
Rancangan ini adalah bahagian kedua dari siri rancangan (Magnet 1). Dalam rancangan ini murid-murid akan belajar mengenai :
a) Sifat Magnet.
b) Benda-benda magnetik dan benda-benda bahan magnetik.
c) Faedah magnet.
Bolehkah magnet sentiasa menarik benda-benda ? Saksikanlah rancangan ini untuk mendapatkan jawapannya.

10.30 KAP KAP UDANG 918.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperta MAIN BAKUL, SI MANIS, GAMBAR DARI RUMAH, BELON SI MANIS, YANG MANA GANJIL dan CERMIN SAKTI.

PETANG
4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 918.

### SELASA — 26HB JULAI

PAGI
8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 18.
(Local Flowers And Local Trees)
9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6.
(Magnet 2).
10.30 KAP KAP UDANG 919.
Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BOLA TUMBUK, TUNJUK BENDA, PETI SURAT, BELUN SI MANIS, YANG MANA GANJIL dan CERMIN SAKTI.

PETANG
4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 919.

### RABU — 27HB JULAI

PAGI
8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 18.
(Local Flowers And Local Trees)
9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6.
(Magnet 2).
10.30 KAP KAP UDANG 920.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti IKUT KETUA, MENGATUR GAMBAR, PETI SURAT, BERSENAM, BERCERITA dan CERMIN SAKTI.
Cerita Cikgu Rokiah kali ini ialah BUAYA DENGAN KANCIL.

PETANG
4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 920.

### KHAMIS — 28HB JULAI

PAGI
10.30 KAP KAP UDANG 921.
Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MUZIK, KERJA TANGAN, SI MANIS, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG
4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 921.

### SABTU — 30HB JULAI

PAGI
10.30 KAP KAP UDANG 922.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti PAK LONG, YANG MANA GANJIL, IKUT KETUA, GAMBAR DARI RUMAH, MAIN KUDA dan CERMIN SAKTI.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 20HB JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GIGGLESNORT HOTEL
5.30 WOODY WOODPECKER
6.00 BERITA AWAL
6.05 DIFFERENT STROKES
6.30 321 CONTACT
6.42 AZAN MAGHRIB
6.50 321 CONTACT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART
7.53 AZAN ISYAK
7.58 HART TO HART — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 THREE'S COMPANY
9.35 QUINCY
10.25 TAYANGAN GAMBAR : 'The Queen's Guard'
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 21HB JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 KUNTUM BERSEMI (Ulangan)
6.00 BERITA AWAL
6.05 TALES OF MAGIC
6.20 TIP HEALTH
6.42 AZAN MAGHRIB
6.30 SAFARI TO ADVENTURE
6.42 AZAN MAGHRIB
6.50 SAFARI TO ADVENTURE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 KNIGHT RIDER
7.53 AZAN ISYAK
7.38 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 REGGIE JACKSON WORLD OF SPORTS
10.35 NINE TO FIVE
11.05 THE DEVLIN CONNECTION (Siri baru)
11.50 SIARAN TAMAT.



GAMBAR di atas ialah antara pelakon-pelakon yang membintangi siri Tales of The Gold Monkey : Ron Moody (berdiri kiri) Stephen Collins, John Calvin, Jeff Mackey dan Caithin O'Heaney. Siri ini dapat disaksikan pada hari Isnin kira-kira jam 7.15 malam.

## HARI JUMAAT 22HB JULAI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.16 CERAMAH AGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN
1.25 ROAD TO LOS ANGELES

**PETANG**

2.15 BRET MAVERICK
3.00 MIGHTY MAN AND YURK
3.30 EXPEDITION TO THE ANIMAL KINGDOM
3.51 AZAN ASAR
3.56 EXPEDITION TO THE ANIMAL KINGDOM — sambungan
4.00 THE LITTLE RASCALS
4.25 GEMA AIDILFITRI (Ulangan)
5.05 THE ELECTRIC COMPANY
5.35 RICKETY ROCKET
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.30 TITIAN NADA (Ulangan)
6.42 AZAN MAGHRIB
6.50 TITIAN NADA — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TUCKER'S WITCH
7.53 AZAN ISYAK
7.58 TUCKER'S WITCH — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA TEMPATAN
9.35 DALLAS
10.25 BENSON
10.55 CBS SPORTS SPECTACULAR
11.25 CHICAGO STORY :
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 23HB JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 NATURE WATCH
6.35 ANIMAL WORLD
6.42 AZAN MAGHRIB
6.50 ANIMAL WORLD — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL
7.53 AZAN ISYAK
7.58 THE BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "Someone Is Watching Me" Pelakon-pelakon : David Birrey, Lauren Hutton, Adrenne Barbeau, James Murtaugh.
12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 24HB JULAI

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 THE GOLDIE GOLD AND ACTION JACK
2.40 THE JEFFERSONS
3.10 MESRARIA No. 2 (Ulangan)
3.51 AZAN ASAR
3.55 MESRARIA — sambungan
4.00 PLASTIC MAN
4.30 BENGKEL KANAK-KANAK (Rancangan terakhir)
5.00 DR WHO
5.15 TARGET THE IMPOSSIBLE
5.45 THE NEW ADVENTURE OF SPIDERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE NEW ADVENTURE OF SPIDERMAN — sambungan
6.15 LOVE SIDNEY
6.42 AZAN MAGHRIB
6.50 LOVE SIDNEY — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MATT HOUSTON
7.53 AZAN ISYAK
7.58 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 SIARAN LANGSUNG DARI DEWAN RAYA RTB (HIBURAN)
9.20 FORUM No. 2
10.20 MIND YOUR LANGUAGE
10.35 DOCUMENTARY — 'The Super-achievers'
11.25 BRIDESHEAD REVISITED
12.20 SIARAN TAMAT.



SIRI Katun kegemaran ramai Goldie Gold and Action Jack. Siarannya pada tiap hari Ahad.

### Dari Dewan Raya

RADIO TV Brunei mengadakan siaran langsung persembahan hiburan tempatan yang mengabungkan para artist seperti Salmiah Haji Hasbol'ah, Kalsum Ali, Zulkifli Butir, A. T. Zulkifli, Haji Johari Haji Omar dan Saadiah Haji Ghazali.

Selain dari itu rancangan ini juga diserikan dengan beberapa persembahan tarian dari penari-penari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei dan juga persembahan lawak jenaka dari dua orang yang tidak asing lagi, Zaini dan Gillen.

Dari itu, jangan lupa menyaksikan Persembahan Dari Dewan Raya RTB, yang disiarkan secara langsung, pada hari Ahad, 24hb Julai ini, kira-kira jam 8.30 malam.

## HARI ISNIN 25HB JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI
BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE WHISPER OF GL
(Episod terakhir)
5.15 THE PERILS OF PENELOPE PITSTOP
5.40 DATARDLY AND MUTTLEY
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.42 AZAN MAGHRIB
6.50 THAT'S INCREDIBLE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TALES OF THE GOLD M
7.53 AZAN ISYAK
7.58 TALES OF THE GOLD M
— sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 ARE YOU BEING SERVED
9.35 THE VOYAGE OF CH
DARWIN
10.35 FREEDOM ROAD (Episod terakhir)
11.25 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 26HB JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI
BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE PHOENIX AND THE
PET (Episod terakhir)
5.30 CURIOUS GEORGE (Episod terakhir)
6.00 BERITA AWAL
6.05 RIPLEY'S BELIEVE IT
6.42 AZAN MAGHRIB
6.50 RIPLEY'S BELIEVE IT
sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FALCON CREST
7.53 AZAN ISYAK
7.58 FALCON CREST —
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.10 STRANGERS (Episod
10.10 TAYANGAN GAMBAR
"The Day The Lovers
11.50 SIARAN TAMAT.

# ...WATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## ...JABATAN AUDIT, BRUNEI

...an berhubung dengan kontrek-kontrek pembinaan bangunan dan lain-lain kerja pembinaan. Jawatan 2.

**Kelayakan :**

Calon-calon hendaklah mempunyai sesuatu kelulusan ikhtisas sebagai jurukira atau ijazah dibidang yang lain misalnya ekonomi, sains komputer atau pentadbiran urusniaga.

**Pengalaman :**

Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja audit kerajaan atau swasta bagi calon-calon yang bukan rakyat Brunei. Bagi calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei keutamaan akan diberi kepada mereka yang mempunyai pengalaman sedemikian.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup : 2hb Ogos, 1983.

(E/404/73)

(Bil.: 132/1983)

## ...dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

4. A. PEMANDU TINGKAT II :
(Jabatan Laut)

B. PEMANDU KERETA TINGKAT II :
(Jabatan Radio dan Televisyen)

F. 3-4 EB. 5 — $430-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah di dakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan 11 (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah satu kelebihan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di dalam negeri.

5. PEMANDU :
(Jabatan Perikanan)

F 3-4-5 EB. 6 — $430-$620 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun serta boleh membaca dan menulis.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyaj lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di dalam negeri.

6. JURUMESIN OUTBOARD
(Jabatan Laut)

F. 1-2-3-4-5 EB. 6 — $350-$620 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 25 tahun dan mempunyai sekurang-kuangnya lima tahun pengalaman bekerja sebagai pemandu motor sangkut.

b) Pemohon-pemohon hendaklah boleh membaca dan mengerti Instruction Manuals. Lukisan-lukisan dan Daftar Barang-barang Ganti bagi Engine Motor Sangkut yang dicetak dalam bahasa Inggeris.

c) Pemohon-pemohon hendaklah berkebolehan membuka semula, membaiki dan memelihara semua jenis Motor Sangkut.

d) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengetahuan kerja terhadap barang-barang ganti yang dikehendaki bagi membaiki Motor-Motor Sangkut dan boleh menyediakan pesanan-pesanan barang-barang ganti.

e) Calon-calon akan dikehendaki menjalani satu Ujian Pertukangan untuk menentukan kecekapan mereka sebagai Jurumesin Motor Sangkut.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 4hb Ogos, 1983.

(E/1131/83)

(Bil. : 126/1983)

## Sebagai Jururawat Gigi Percubaan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai Jururawat-Jururawat Gigi Percubaan di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Jururawat Gigi Percubaan: M. 3 — $455-$680 sebulan.

Jururawat Gigi Terlatih : M. 4 EB. 5-6 — $745-$1500 sebulan.

**Kelayakan :**

Pemohon-pemohon mestilah berumur antara 17 hingga 28 tahun dan masih bujang. Mereka mestilah lulus Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge (Peringkat Biasa) dalam Bahasa Inggeris, Sains dan dua mata pelajaran yang lain atau yang sebanding.

**Tempoh Percubaan :**

a) Calon-calon yang terpilih akan dilantik dalam percubaan selama 3 tahun 4 bulan sebagai Jururawat Gigi Pelajar dan dikehendaki menjalani latihan di Sekolah Pergigian di luar negeri. Tempoh latihan ini ialah selama 2 tahun 4 bulan.

b) Setelah menamatkan latihan di luar negeri Jururawat-Jururawat Gigi Percubaan akan bertugas di Klinik Pergigian Brunei di bawah pengawasan Pegawai Pergigian selama satu tahun.

c) Pakaian seragam akan di beri percuma dan tempat tinggal akan disediakan jika perlu. Jururawat-Jururawat Gigi Percubaan akan diberi Elaun Dobi dan Catuan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 13hb Ogos, 1983.

(E/132/62/2)

(Bil. : 138/1983)

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICES

TENDERS are invited for the supply and installation of Incubator-Hatcher at Mentiri Agricultural Station, Department of Agriculture, Brunei.

2. Details could be obtained and site inspection could be arranged by contacting the Agricultural Officer (Livestock), Veterinary Clinic, Bandar Seri Begawan, Telephone No. 22296.

3. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked "Department of Agriculture — Incubator-Hatcher-Confidential" to the Chairman, Tenders Board, Brunei, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday, 25th July 1983.

4. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

BRUNEI

## ACCOUNTS CLERK

BRUNEI SHELL PETROLEUM invites applications for the above position in its Treasury Division, based in the Company Head Offices in Seria.

The successful applicant will be required to assist in the processing of the payroll, filing, daily payment orders/payment vouchers to Bank/Cashier and to perform general work within the section.

Candidates should :

— have achieved at least G.C.E. "O" level or equivalent, with Credits in English and Mathematics
— be able to type
— be aged not more than 30.

Previous accounting/bookkeeping experience (or a qualification in this field) while an advantage is not essential.

The Company offers a generous remuneration package, which includes two months' annual bonus. Subjects of His Highness the Sultan and those eligible to become so will be engaged on a pensionable basis. For male employees resident outside the Kuala Belait/Seria area (to the west of Sungai Liang), Company housing is provided. In all other cases, a housing allowance is payable.

Applications should be addressed to :—

Personnel Development Department —
Recruitment (Ref : BB/15),
Brunei Shell Petroleum Company Limited,
BRUNEI.
Seria.

The closing date for the receipt of applications will be 22nd July, 1983.

## TAWARAN UNTUK VERTICAL LOUVRE BLINDS FOR NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BRUNEI

1. PEMBORONG adalah dipelawa untuk membekal dan memasang : VERTICAL LOUVRE BLINDS FOR NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BRUNEI.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 25hb Julai, 1983.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas tidak akan dilayan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong-pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut : —

TAWARAN UNTUK VERTICAL LOUVRE BLINDS FOR NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BRUNEI.

5. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut : —

ALISTER MACDONALD DAN RAKAN
309-310 Seri Complex, Jalan Tutong
Bandar Seri Begawan

mulai dari hari Rabu 6hb Julai hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21hb Julai 1983.

6. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 (Dua Ratus Ringgit Sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender.)

7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut : —

a. Pemborong-pemborong itu adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kategori pemborong yang dikehendaki.

b. Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Penjual Setem

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa menjadi Wakil Penjual Setem (Stamp Vendors) bagi kawasan berikut: —

KAMPUNG SUBOK BRUNEI.

2. Keterangan yang lanjut terhadap wakil Penjual Setem boleh didapati daripada Pengawal, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan, Brunei.

3. Seorang wakil Penjual Setem akan diberikan satu komisen sebanyak 2 peratus daripada jumlah setem yang dibelinya.

Permohonan-permohonan secara bertulis hendaklah dihantar dan dialamatkan kepada Ketua Pos Agung, Brunei tidak lewat 21hb Julai Julai, 1983.

## SEBAGAI KERANI BAHASA ARAB

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai KERANI BAHASA ARAB di Jabatan Hal Ehwal Agama, Bunei.

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Calon-calon mestilah sudah mencapai umur 18 tahun;

b) Sekurang-kurangnya lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya;

c) Mengetahui Bahasa Arab dengan baik dan mempunyai Ilmu Pengetahuan Agama;

d) Boleh menaip huruf-huruf Jawi dan Arab dengan baiknya; dan

e) Calon-calon yang tidak mempunyai (b) di atas tetapi ia mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam perkara (c) dan (d), maka permohonannya akan dapat dipertimbangkan.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 23hb Ogos, 1983.

(E/411/75)

(Bil.: 124/1983)

## Sebagai Pengarang di Pejabat Pusat Sejarah

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PENGARANG di Pejabat Pusat Sejarah, Brunei.

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Lulus mata pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu Peringkat Tertinggi dan 3 mata pelajaran Peringkat Biasa (termasuk mata pelajaran Sejarah dan tidak termasuk mata pelajaran Seni Lukis) dalam Sijil Am Pelajaran; atau

Mempunyai pengalaman yang luas dalam penulisan Sejarah, Adat Istiadat dan Kebudayaan Negeri Brunei.

b) Dapat menunjukkan karya-karya yang sudah diterbitkan.

c) Boleh membaca dan menulis Jawi dengan baik.

d) Mahir menguasai bahasa Melayu dan Inggeris.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan [illegible] daklah [illegible] sama [illegible] surat [illegible] kepada [illegible] Jabatan [illegible]

Tarikh [illegible] 1983.

(E/185/[illegible])

Bil.: 12[illegible]

## Sebagai Penolong Pensyarah

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai Penolong Pensyarah di Maktab Perguruan Agama, Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei.

**Tanggagaji:** C. 2-3 EB. 4 — $1260-$2280 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:**

i) Berumur tidak kurang dari 25 tahun.

ii) Calon-calon hendaklah mempunyai salah satu daripada kelayakan-kelayakan berikut: —

a) Mempunyai kelulusan Kelas Khas (Thakhasus) dari Sekolah Arab Al-Juned Singapura atau kelulusan yang sebanding dengannya;

b) Mempunyai Sijil Pelajaran Agama Brunei dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab;

iii) Mempunyai Sijil Perguruan dari mana-mana Pusat Perguruan yang diakui;

iv) Mempunyai pengalaman mengajar Agama tidak kurang dari 10 tahun dan 5 tahun daripadanya di sekolah menengah.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dibuat dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 16hb Ogos, 1983.

(E/845/73) (Bilangan: 116/1983)

## Sebagai Juru Trengkas

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa untuk memenuhi jawatan seperti berikut:

a) Nama Jawatan: Juru Trengkas.

b) Nama Majikan: Jabatan Pengangkutan Darat, Brunei.

c) Kadar Gaji: $20.00-$27.00 sehari.

d) Kelayakan:

1. Lulus sekurang-kurangnya BJCE aliran Inggeris atau GCE.
2. Mempunyai kelulusan menaip (30-50 psm) dalam peringkat menengah atau tertinggi.
3. Pemohon - pemohon mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Mulia.

e) Pemohon-pemohon adalah di minta untuk mendaftar di Bahagian Pusat Pekerjaan, Pejabat Buruh, Jalan Berakas, Brunei dan menghantar permohonan mereka berserta dengan sijil-sijil persekolahan ke Pusat ini tidak lewat dari 28hb Julai, 1983.

## TAWARAN J.K.R. KUALA B[illegible]

### SERIAL No. KB. 55/19[illegible]

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa [illegible] borong Kelas 'C' untuk:

PROJEK: PEMBINAAN PEJABAT [illegible] P.O.L. UNTUK CAWANGAN [illegible] BUKIT JUAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan [illegible] didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait [illegible] petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.

Cagaran tawaran: $200.00.

### SERIAL No. KB. 56/19[illegible]

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa [illegible] borong Kelas 'AX' untuk:

PROJEK: MEMBESARKAN BANG[illegible] SUNGAI TUJUH."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan [illegible] didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait [illegible] petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.

Cagaran tawaran: $600.00.

### SERIAL No. KB. 57/19[illegible]

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa [illegible] bekal untuk:

PROJEK: "MEMBEKALKAN 12 [illegible] SELANGAN BATU KELAS III [illegible] KELAS G PEJABAT AGAMA, K[illegible]

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan [illegible] didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait [illegible] petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.

Cagaran tawaran: $200.00.

### SERIAL No. KB. 58/19[illegible]

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari [illegible] untuk:

PROJEK: "MEMBEKALKAN 24 [illegible] SELANGAN BATU KELAS III [illegible] KELAS F FLAT AGAMA, KUALA [illegible]

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan [illegible] didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait [illegible] petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.

Cagaran tawaran: $200.00.

### SERIAL No. KB. 59/19[illegible]

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa [illegible] borong Kelas 'AX' untuk:

PROJEK: "MENINGGIKAN SE[illegible] DIBANJIRI AIR DI JALAN LIA[illegible]

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan [illegible] didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait [illegible] petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.

Cagaran tawaran: $600.00.

### SYARAT-SYARAT TAWA[illegible]

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dim[illegible] Peti Tawaran yang terletak di [illegible] Kewangan Negara di Tingkat B[illegible] Pejabat Setiausaha Kerajaan, Band[illegible] wan, tidak lewat dari jam 12.00 [illegible] Isnin (pada tarikh-tarikh yang [illegible]*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima le[illegible] dan masa yang ditetapkan tidak [illegible]*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dih[illegible] pul surat yang bertutup ditulis [illegible] jek yang berkenaan tanpa me[illegible] pemborong, dan ditujukan kepada [illegible] baga Tawaran, Bangunan Se[illegible] Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan [illegible] rangan yang lanjut bolehlah dil[illegible] dari Jabatan Kerja Raya, Kuala [illegible]*
5. *Cagaran tawaran adalah dike[illegible] dikembalikan kepada setiap pem[illegible] berjaya setelah menghantar taw[illegible] (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen [illegible] setiap pemborong dikehendaki [illegible] yang menunjukkan bahawa adalah [illegible] berdaftar di Jabatan Kerja Raya [illegible] ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dih[illegible] gunakan borang-borang taw[illegible] disediakan. Tawaran yang mem[illegible] an tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang M[illegible] duka Seri Baginda Sultan dan Y[illegible] Negara Brunei Darussalam tidak [illegible] rima tawaran-tawaran yang [illegible] tawaran.*

## PEMBERITAHUAN TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN2 ELEKTRIK BRUNEI

### TAWARAN BIL. 76/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas "A", "B" dan "C" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengan hari, hari Isnin, 1hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK PEJABAT POS DI SERI COMPLEX JALAN TUTONG, B.S.B., BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, Airport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah $100.00.

### TAWARAN BIL. 77/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas "A", "B" dan "C" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bander Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 1hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK DEWAN RIA DAN DAPUR DI S.M. KAMPUNG MATA-MATA, GADONG, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik, Airport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $100.00.

### TAWARAN BIL. 79/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal Sistem Perhubungan Bergerak yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, bertarikh 25hb Julai, 1983 bagi kerja-kerja berikut: —

UNTUK MEMBEKAL DAN MEMASANG SISTEM PERHUBUNGAN BERGERAK.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $1,000.00.

Dokuman-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Airport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

### TAWARAN BIL. 81/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-"B" dan "C" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengan hari, hari Isnin, 1hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BLOK SEKOLAH 12 BILIK DARJAH DAN BLOK TANDAS DI S.M. ANGGEREK DESA, BERAKAS, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik, Airport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $200.00.

### TAWARAN BIL. 83/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 1hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

"PEMASANGAN ELEKTRIK DAN LAMPU-LAMPU UNTUK HELIPAD DI RUMAH SAKIT SURI SERI BEGAWAN KUALA BELAIT."

Dokuman-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, Kuala Belait.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $600.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih.

# ...WATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## ...Perubatan dan Kesihatan

...an adalah dipelawa daripada calon-... untuk memenuhi jawatan-jawatan ... Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

...GI MAKMAL :
...0 sebulan. Gaji permulaan bergan-...kelayakan dan pengalaman.

...hendaklah mempunyai kelulusan Higher ... atau Certificate dalam mata pelajaran ... atau Fellowship of the Institute of ... atau pun kelulusan yang sebanding. ... diberi kepada rakyat Brunei dan kepada ...kelayakan dalam Histology/Cytology.

...dilantik akan berkhidmat di bawah Pa-... ada di Hospital Bandar Seri Bega-... Suri Seri Begawan.

...sebulan. Gaji permulaan bergan-...kelayakan dan pengalaman.

... mestilah mempunyai salah satu dari-... yang berikut :—
...DS (Singapura) atau
...Malaya) atau
..., Diploma atau lesen yang diiktiraf-... membolehkan didaftarkan oleh General ... di United Kingdom.

... mempunyai beberapa tahun penga-... pengalaman dalam Perkhidmatan ... Sekolah-sekolah adalah merupakan satu ... butir-butir mengenai kerja-kerja lati-... work) hendaklah disebutkan semasa

...aklah memberi rawatan di Sekolah-...ah Sakit serta Klinik-klinik Gigi ber-

... CARA KERJA :
...0 sebulan.

...5—$2000-$3660 sebulan.
... bergantung kepada kelayakan-kelayakan

... hendaklah mempunyai Diploma Occu-... daripada Sekolah-sekolah Ocuppation-... berdaftar atau kelulusan yang sebanding ...pengalaman. Pengalaman bekerja dengan ... merupakan satu kelebihan.
... :
... berjaya akan dilantik secara berkontrek ... pembaharuan kontrek adalah atas perse-... mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan ... tetap setelah menjalani satu tempoh per-... gaji bonus juga dibayar, faedah-... pada kadar 25 peratus, tambang ... untuk anak-anak, cuti bergaji, ban-... wang (tidak berfaedah) untuk mem-

... ada Cukai Pendapatan dikenakan di

...honan mestilah dibuat dalam dua sa-... didapati daripada Jabatan Perjawatan, ... dikembalikan bersama-sama dengan ... dan sijil-sijil kepada Pengarah Jaba-...

...hb Ogos, 1983.
(Bil.: 134/1983)

## ... Wireman Tingkat 1

[illegible]

d) Pemohon-pemohon mestilah tahu tentang pemeliharaan dan overhaul am bahagian electrical starter motor bateri-bateri, generator-generator kecil, peralatan lighting dan electrical motors.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 29hb Ogos, 1983.

(E/549/77)
(Bil. 135/1983)

## DI JABATAN KEMAJUAN KERJASAMA, BRUNEI

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Brunei.

1. PEGAWAI PEMBEKALAN AM :
C. 3-4 EB. 5 — $1735-$2580 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.
**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Mestilah berumur 25 hingga 45 tahun.
b) Mempunyai kelulusan Higher National Diploma (Business Studies) atau kelulusan yang sebanding dengannya serta mempunyai kelulusan dalam Bookkeeping sebagai salah satu mata pelajaran.
c) Pengalaman dalam mengendalikan stor perbekalan serta mengimport barang-barang adalah merupakan satu kelebihan.
d) Pengetahuan Bahasa Melayu adalah perlu.

2. PENYELENGGARA STOR TINGKATAN I :
D. 4 EB. 5 — $980-$1290 sebulan.
**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengannya.
b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 4 tahun dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor.
c) Mempunyai pengetahuan dalam mengurus barang-barang stor, alat-alat kelengkapan dan alat-alat ganti yang berbagai bentuk adalah merupakan satu kelebihan.

3. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III :
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.
**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang sebanding dengannya.
b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor boleh juga dipertimbangkan.
**AM :**
Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana sahaja di dalam negeri.

4. PEMANDU TINGKAT I :
F. 3-4 EB. 5 — $430-$560 sebulan
**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.
**Am :**
Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam negeri.

5. PEKERJA STOR :
F. 1-2-3-4 EB. 5 — $350-$560 sebulan.
**Kelayakan dan Pengalaman :**
Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun serta boleh membaca dan menulis rumi.

6. PENJAGA :
F. 1-2 EB. 3 — $350-$470 sebulan.
**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Berumur tidak kurang dari 25 tahun.
b) Hendaklah tahu menulis dan membaca rumi.
c) Mempunyai pengalaman menjaga dan mengawas harta benda Kerajaan adalah merupakan satu kelebihan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 13hb Ogos, 1983.
(E/1223/83) (Bilangan: 136/1983)

## Di dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan perkhidmatan Kerajaan.

1. PEMBANTU UKUR KAPAL : (di Jabatan Laut)
**Tanggagaji :** D. 3-4 EB.5—$720-$1290 sebulan.
**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Sijil kecekapan sebagai Master of Local Trade ship.
b) Calon-calon mestilah mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai kapal-kapal yang dibina dari besi-waja dan kayu yang panjangnya sehingga 150 kaki dan mengenai kelengkapan penyelamat di dalam kapal dan alat-alat pemadam api.
c) Calon-calon mestilah boleh menyediakan laporan-laporan dan butir-butir kerosakan-kerosakan dalam kapal. Pengalaman di segi pentadbiran hal ehwal laut adalah merupakan suatu kelebihan.
**Tugas-tugas :**
Meriksa kapal-kapal kecil dan lancaran-lancaran untuk tujuan pendaftaran dan pengeluaran lesen sebagai Bot-Bot Barang Muatan, Bot-Bot Penumpang dan Kapal-kapal Menangkap Ikan. Bertanggungjawab bagi mempastikan bahawa kapal-kapal yang diberikan lesen itu berkeadaan baik dan dilengkapi dengan kelengkapan alat-alat penyelamat syarat-syarat yang diluluskan. Tugas-tugas pentabiran yang lain mengenai dengan perkapalan dan hal ehwal laut.

2. PEMBANTU TEKNIK (Kejuruteraan Bangunan dan Awam) : (di Askar Melayu Diraja Brunei)
**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.
**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Mestilah berumur antara 18 hingga 45 tahun.
b) Mestilah mempunyai City and Guilds Final Certificate dalam mata pelajaran-mata pelajaran yang sesuai atau kelulusan yang sebanding dari mana-mana Maktab Teknikal yang di iktiraf.
ATAU
Mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman praktikal dalam salah satu, atau lebih, cawangan-cawangan kerja kejuruteraan yang berikut:—
Kerja-kerja kejuruteraan Awam (Bangunan), Ukur Kuantiti; Pembekalan Air daripada Parit dan Taliair; kerja-kerja Saluran Najis; Kejuruteraan Structural; dan Kerja-kerja Pembinaan Jalan Raya.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 8hb Ogos, 1983.
(E/208/82)
(Bil. : 129/1983)

## Di Pejabat Pusat Sejarah, Brunei

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Pejabat Pusat Sejarah, Brunei.

1. PEMBANTU PEGAWAI PENYELIDIK
**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.
**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Mempunyai kelulusan dua mata pelajaran peringkat 'O' (tidak termasuk mata pelajaran Seni Lukis) dalam sijil Am Pelajaran.
b) Mempunyai bakat dan kecenderungan dalam kerja-kerja penyelidikan.
c) Boleh menulis dan membaca Jawi dengan baik.

2. PEGAWAI PERPUSTAKAAN KANAN :
**Tanggagaji :** C.1-2 EB.3 — $1110-$1980 sebulan.
a) Mempunyai kelulusan dua 'A' Level serta mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perpustakaan sekurang-kurangnya 5 tahun.
ATAU
b) Mempunyai kelulusan tiga mata pelajaran peringkat 'O' serta mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perpustakaan sekurang-kurangnya 8 tahun.
ATAU
c) Mempunyai pengalaman yang luas dalam kerja-kerja perpustakaan sekurang kurangnya 10 tahun dan pernah mengikuti sesuatu kursus dalam bidang perpustakaan.
d) Boleh menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik serta pandai menulis dan membaca jawi.
e) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mengetahui hal ehwal kerja perpustakaan rujukan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 23hb Ogos, 1983.
(E/1854/82)
(Bil.: 120/1983)

## Sebagai Pemandu Outboard

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU OUTBOARD di Jabatan Perikanan, Brunei.

**Tanggagaji :** F.2-3-4-5 EB.6 — $390-$620 sebulan.

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman memandu outboard selama 3 tahun dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil bagi jentera outboard.

**Tugas-tugas :**
Calon-calon yang berjaya akan dikehendaki memandu perahu-perahu berjentera Jabatan dan juga bertanggungjawab dalam pemeliharaan harian ke atas perahu-perahu dan enjin-enjin dan mestilah bersedia menjalankan tugas-tugas di luar waktu-waktu bekerja.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 9hb Ogos, 1983.

(E/1092/77)
(Bil.: 133/1983)

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### BIL. 285 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas (electrical) untuk:

PROJEK: "LAMPU DAN ELEKTRIK BANGSAL KAPAL TERBANG BAHARU BAGI PENERBANGAN 'C' KEM ASKAR UDARA, SERIA".

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Sepakat Setia Perunding, 2nd Floor, 147, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 286 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas (air-conditioning) untuk:

PROJEK: "HAWA DINGIN DAN PENGEDARAN UDARA — BANGSAL KAPAL TERBANG BAHARU BAGI PENERBANGAN 'C' KEM ASKAR UDARA, SERIA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Sepakat Setia Perunding, 2nd Floor, 147, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $300.00.

### BIL. 287 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK: " MENINGGALKAN DAN MERENDAHKAN LORANG BETUNG (SEWER MANHOLES) YANG ADA SEKARANG DI DAERAH BRUNEI-MUARA, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 279 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN GARAJ R.C. DI PEJABAT P.W.D. YANG BARU, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 280 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' dan ke atas untuk:

PROJEK: "KERJA-KERJA MEMBAIKI AM, MEMBERSIH DAN MENCAT SEMULA MASJID S.O.A.S. DAN LAIN-LAIN BANGUNAN, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL. 281 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN STRUKTUR PARIT DAN LAIN-LAIN KERJA BAGI DAERAH TUTONG, TUTONG, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 282 TAHUN 1982

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: KERJA-KERJA MEMBAIKI AM DAN MENCAT SEMULA BANGUNAN PUSAT TINGKATAN ENAM, LENGKAP TERMASUK LAIN-LAIN BANGUNAN KEPUNYAAN PUSAT TINGKATAN ENAM, GADONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 283 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU JENIS CRUSHER-RUN BAGI MEMPERBAIKI VERTICAL ALIGNMENT DI BATU 9½, JALAN TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.

### BIL. 284 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK: "CADANGAN KERJA-KERJA PILING DAN PILE CAP BAGI BANGUNAN JABATAN UNDANG-UNDANG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di International Project Consultant, Room 41, Britannia House, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Selasa 26hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL. 288 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-Pembekal untuk:

MENGADAKAN HARGA C.I.F. UNTUK PELBAGAI BARANG-GANTI BAGI MESIN-MESIN DAN JENTERA-JENTERA BERAT BAGI BENGKEL PEJABAT KERJA RAYA, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 289 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBEKAL, MENYERAHKAN KE TAPAK BINA DAN MENEMPATKAN BARANG-BARANG PERABOT DAN ALAT-ALAT KELENGKAPAN PADANG PERMAINAN BAGI PUSAT LATIHAN POLIS BARU DI JALAN KAMPUNG TUNGKU GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup: 8hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 290 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "MENIMBUS TAMBAHAN DAN MEMPERBAIKI KAWASAN SEKOLAH ARAB (LAKI-LAKI) SULTAN HASSANAL BOLKIAH, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL. 291 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Specialist untuk:

PROJEK: "KERJA-KERJA PEMBESARAN PEMBAIKAN SALURAN NAJIS BANDAR TUTONG — KONTREK No. 2 — MEMBEKAL DAN MEMASANG GRIT REMOVAL PLANT (KERJA-KERJA MEKANIKAL DAN ELEKTRIK)."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Syed Muhammad dan Hooi Jurutera Perunding, Giok Tee Building, 66-67 Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup: 29hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $1,000.00.

### BIL. 292 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "KERJA-KERJA PEMBESARAN PEMBAIKI SALURAN NAJIS BANDAR ... KONTREK No. 1 — KERJA-KE... TERAAN AWAM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Syed Muhammad dan Hooi ... Giok Tee Building, 66-67, Jalan McArthur, ... wan, hingga jam 4.00 petang hari Khamis ...

Tarikh tutup: 15hb 1983.
Cagaran tawaran: $5,000.00.

### BIL. 293 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari ... borong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN KLINIK ... BANDAR (STANDARD) DAN ... KAWASAN PERPINDAHAN KAMPUNG ... SA, MUARA, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ... hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 ...

### BIL. 294 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari ... borong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: CADANGAN KLINIK ... BANDAR (STANDARD) DAN ... KAWASAN PERPINDAHAN, KAMPUNG ... MATA, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ... hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 ...

### BIL. 295 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari ... untuk:

MEMBEKAL (C.I.F. BRUNEI) DAN ... TAR 3 UNIT HAMMING ROTARY ... PRESSOR DAN EXHAUSTER KE ... GIAN SALURAN NAJIS, J.K.R.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ... hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.

### BIL. 296 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari ... borong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "MENINGGIKAN BAH... RAYA DAN JAMBATAN BAGI ... DAN KOMPLEKS SUKAN YANG ... KAN DI KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Cooper, MacDonald & Partners ... ding, 210 Chandrawaseh Complex, Mile 1½ ... Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang ... 4hb Ogos, 1983.

Tarikh tutup: 8hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 297 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari ... borong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN TAMBAHAN ... BALAI BOMBA YANG ADA DI ... TONG, TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ... hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 ...

### BIL. 298 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari ... borong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN PUSAT ... DI KAMPUNG MENENGAH, TEM...

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ... hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 ...

### BIL. 299 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari ... borong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "RANCANGAN PERP... PUNG MATA-MATA KERJA-KERJA ... MAN RUMPUT MENGGUNAKAN ... ING PROCCESS."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga ... hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN MUZIUM, BRUNEI

...-permohonan adalah dipelawa daripada calon-... dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka ... Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei ... memenuhi jawatan-jawatan kosong yang ... Muzium, Brunei.

...CUCI

...KANG KEBUN : (Bahagian Muzium Askar).
... EB. 4 — $350-$520 sebulan.

...JAGA MALAM :
... EB. 3 — $350-$470 sebulan.

... dan Pengalaman :
...-pemohon mestilah berumur di antara 20 ... 45 tahun.
... tahu menulis dan membaca.
...-pemohon yang berumur lebih daripada 45 ... dan mereka yang telah bersara boleh juga me-... untuk dipertimbangkan.
...-pemohon yang tinggal di kawasan-kawasan ... berdekatan dan pernah bekerja secara bergaji ... adalah diutamakan.

... yang berjaya mestilah bersedia untuk ber-... bila-bila masa dikehendaki diluar masa pekerjaan ... secara bergilir-gilir (shift).

...NTU ARKIB :
... EB. 2-3 — $425-$900 sebulan.

... dan Pengalaman :
...-pemohon mestilah berumur di antara 18 ... 30 tahun.
... sekurang-kurangnya peperiksaan Sijil Rendah ... Brunei atau yang sebanding dengannya.
... akan diberi kepada calon-calon yang ber-... tentang Kerja-Kerja Arkib dan boleh ... dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dan juga ... menulis dan membaca Jawi.

...-tugas :
... yang berjaya akan bertugas di bahagian Arkib ... menjalankan kerja-kerja Pengumpulan, Penyu-... Penjenisan, Perekodan dan lain-lain kerja perar-...

...DAN DEWAN :
...-5 EB. 6 — $350-$620 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah lelaki dan berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan II atau yang sebanding dengannya. Bagi calon-calon dari aliran Melayu keutamaan akan diberi jika pandai bertutur atau menulis Bahasa Inggeris.

ATAU

Buruh-buruh bergaji hari yang telah berkhidmat di Jabatan Muzium sekurang-kurangnya 2 tahun dan pernah ditugaskan menjaga dewan-dewan pameran.

**Tugas-tugas :**

Calon-calon yang berjaya akan bertugas menjaga keselamatan dan kebersihan dewan serta bersedia ditugaskan di daerah-daerah lain jika rancangan-rancangan pameran di daerah-daerah diadakan.

4. GURU TUKANG TENUN :
T. 7 — $875-$1805 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan II.
b) Mempunyai Sijil Pertukangan Tenun Kain bagi Sekolah, Maktab atau Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan yang diakui.
c) Menghadiri kursus asas perguruan pertukangan.
d) Tahu menggunakan alat-alat dan perkakas pertukangan tenunan kain modern dan traditional.
e) Mempunyai kemahiran tentang semua jenis kerja-kerja tenun kain, mereka, membentuk dan mencipta corak bunga untuk tenunan serta cenderung untuk menjadi Guru Tukang Tenun.

**Tugas-tugas :**

Akan bertugas di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei sebagai Guru Pertukangan Tenun, serta berusaha untuk membaharui dan mencipta teknik-teknik baharu pertukangan tenun kain dan jenis atau corak pertukangan bagi faedah meninggi mutu kebolehan penuntut.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatannya itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 8hb Ogos, 1983.

(E/875/71) (Bil: 127/1983)

## TENDER NOTICES FOREST DEPARTMENT

...S will be received by ... Tenders Board, ... Offices, Bandar ... Brunei up to ... on 8th August ... the supply of the ...

... Metric Fibre-... Measuring Tape 20 ... Length In One ... /Graduations/ ... Diameter In ... And Millime-... Graduations Complete ... Steel Case.

... Quarter-girth ... tape (metric ...

...derer is to state ... Brunei and deli-...

... be submitted ... envelope and ... no indication of ... the name of ...

... should be ad-...

... Chairman.
... Board.
... Seri Begawan.

... of the State ... Bandar Seri ... and marked ... MEASURING ... received after ... will be rejected.

The Government does not bind itself to accept the lowest tender.

---

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon on 8th August 1983, for the supply of the following :—

**1 Complete set of Portable Circular Saw Machine Diameter 36" with 40hp motor.**

The tenderer is to state price C.I.F. Brunei and delivery time.

Tender must be submitted in plain sealed envelope and there must be no indication of the envelope of the name of the tenderer.

The envelope should be addresed to:—

The Chairman.
Tenders Board.
Bandar Seri Begawan.
Brunei.

At the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei and marked 'SUPPLY PORTABLE CIRCULAR SAW'. Tender received after this date will be rejected.

The Government does not bind itself to accept the lowest tender.

## Pembantu Pegawai Jurutera Laut

**PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai** PEMBANTU PEGAWAI JURUTERA LAUT di Jabatan Laut, Brunei.

B. 1 EB. 2 — $1240-$3280 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Sijil Kecekapan sebagai Jurutera Kelas Dua (Motor) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdagangan dan Perusahan United Kingdom atau kelulusan yang sebanding. Pernah berkhidmat di Jabatan Laut atau Penguasa Pelabuhan dan/atau mempunyai pengalaman sebagai Ketua atau Jurutera Kedua bagi kapal pengorek merupakan satu kelebihan.

**Tugas :**

Tugas-tugas utama ialah berkhidmat selaku Ketua Jurutera kapal pengorek yang berpengkalan di Pelabuhan Muara, Brunei atau sebagai Ketua Jurutera Kapal Tunda dan penyelamat. Tugas-tugas am sebagai Pembantu Pegawai Jurutera Laut yang mungkin diperlukan mengikut keperluan perkhidmatan dalam Jabatan.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup : 13hb Ogos, 1983.
(E/914/72)
(Bil. : 118/1983)

## Di Jabatan Muzium, Brunei

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Muzium, Brunei.

1. PEGAWAI PENYELIDIK :
C. 2 EB. 3 — $1260-1980 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan dalam 2 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'A' dan sekurang-sekurangnya 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'O' serta mempunyai kecenderungan dalam kerja-kerja penyelidikan.
ATAU
b) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'O' dan mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyelidikan sekurang-kurangnya 5 tahun.
c) Pandai menulis dan membaca jawi serta tahu Bahasa Daerah dan berkebolehan dalam karang mengarang akan diberi keutamaan.
d) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun sebagai Penolong Penyelidik atau sebagainya dan mempunyai pengalaman yang luas di dalam penyelidikan dan kerja-kerja luar boleh juga dipertimbangkan.
e) Ujian menulis akan diadakan bagi calon-calon yang berkelayakan untuk ditemuduga.

2. PELUKIS TINGKAT I :
C. 1-2 EB. 3 — $1110-$1980 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai Diploma yang diakui dalam Seni Lukis/Rekabentuk Grafik atau kelulusan yang sebanding dengannya.
ATAU
b) Berpengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam perkhidmatan Kerajaan dalam Bahagian Seni Lukis seperti illustrasi buku-buku dan kerja-kerja grafik.
c) Dapat menunjukkan kerja-kerja yang pernah dibuat dan sebagai bukti kebolehan.
d) Calon-calon akan diberi ujian untuk menentukan bakat dan kebolehan masing-masing.

3. PENYAMBUT/PENJAGA TELEFON :
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.
c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun boleh juga dipertimbangkan.

4. TUKANG KEBUN/PEMBERSIH :
F. 1-2-3 EB. 4 — $350-$520 sebulan.
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun.
b) Hendaklah tahu menulis dan membaca.
c) Pemohon-pemohon yang berumur lebih daripada 45 tahun dan telah bersara boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.
d) Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan yang berdekatan dan pernah bekerja bergaji hari adalah diutamakan.

5. PEMBANTU PENGAWET BENTUK BINATANG DAN TANGKAPAN :
D. 1-2 EB. 3-4 — $425-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun.
b) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa termasuk mata pelajaran lukisan atau kelulusan yang sebanding dengannya.
c) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat di sebuah Pejabat Muzium sekurang-kurangnya selama 3 tahun dan mempunyai pengalaman yang diperlukan akan juga diberi pertimbangan.

6. PENOLONG GURU TUKANG TENUN.
D. 3-4 EB. 5 — $720-$1290 sebulan.
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan II.
b) Telah menamatkan sekurang-kurangnya 2 tahun dalam Kursus-Kursus Tenunan Kain Seni Brunei di Pusat serta telah mengusahakan kerja-kerja menenun kain sekurang-kurangnya 2 tahun sama ada di Bengkel sendiri di kampung atau di Pusat Kesenian dan Pertukang Tangan Brunei. Tahu serba sedikit tentang asas pengajaran menenun kain.

**Tugas-tugas :**

Calon yang berjaya akan bertugas membantu mengajar di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei dalam jurusan tenun menenun kain Seni Brunei.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 4hb Ogos, 1983.

(E/254/80) (Bil. : 125/1983)

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN PENJARA, BRUNEI

...tawaran adalah ... membekalkan ... tukang kayu ... Machines) ... untuk Jabatan ...:—
... Multi-Purpose ... Planer and ...
... Turning Lathe.
... butir menge-... penentuan-penen-... bagi me-sin-mesin ini bolehlah didapati dari Pejabat Penjara, Rumah Penjara Jerudong Bandar Seri Begawan pada bila-bila masa pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang bertutup dengan ditulis "Tawaran Mesin-Mesin Tukang Kayu Jabatan Penjara, Brunei" dan tawaran itu hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 25hb Julai, 1983.

4. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar catalogue (gambar) jenis mesin yang ditawarkan berserta dengan butir-butir berikut :—

i) Tarikh sampai
ii) Harga termasuk cukai masuk
iii) Lama dalam jaminan
iv) Lain-lain hal jika ada.

5. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran mengenainya.



Tuan Hakim Erice Charles ketika mengangkat sumpah

## Persuruhjaya Mahkamah Besar angkat sumpah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Tuan Hakim Erice Charles Barnes sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Besar bagi tempoh tiga tahun.

Pesuruhjaya Mahkamah Besar yang baru itu telah mengangkat sumpah jawatan di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam satu istiadat yang berlangsung di Istana Darul Hana pada hari Isnin lepas.

Berangkat ke istiadat itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Turut juga hadir termasuklah Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei; Yang Teramat berhormat Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar; Yang Amat Mulia Pengiran Speaker; Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan dan Yang Amat Mulia Peguam Negara.

# TIDAK PATUT RASA RENDAH DIRI

Dari muka 1

menguatkuasakan peraturan serta undang-undang yang menjamin kesejahteraan rakyat dengan secara berkesan, mampu membaiki taraf hidup rakyat, memajukan negara dan meletakkan bangsa sebagai sama bermaruah dan berdaulat di kalangan masyarakat antarabangsa tidak berapa lama lagi.

Awang Haji Badaruddin seterusnya menegaskan bahawa sungguhpun rakyat sudah memberi sumbangan secara penyertaan dan penglibatan yang membolehkan Kerajaan dapat berfungsi dengan baik tetapi sumbangan tersebut belumlah lagi rapus dan pupus.

"Penglibatan dan penyertaan rakyat mendokong Kerajaan masih boleh dikembangkan dan ditingkatkan, sebab perkara sumbangan dan penglibatan tersebut adalah perkara yang boleh dipengaruhi oleh perkembangan yang berterusan yang akan dihadapi oleh bangsa dan negara dimasa hadapan," tegasnya.

Beliau seterusnya menyentuh mengenai cabaran selepas kemerdekaan dalam hubungan penglibatan tersebut.

Menurutnya, jika cabaran kemerdekaan ialah dalam makna membangun serta mengukuhkan kepentingan-kepentingan kita yang sebenar dalam negara yang merdeka, maka beliau meramalkan kemajuan yang berterusan dari segi sosio-ekonomi iaitu sekurang-kurangnya selama mana kedudukan ekonomi mengizinkan negara membelanjai program-program pembangunan.

"Tetapi dalam masa yang sama kemajuan akan menjadikan kita lebih concern terhadap hal ehwal negara dan kerajaan yang mana serentak dengan itu negara memerlukan rakyat mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menentukan untung nasib dan maruah maka dengan sendirinya penglibatan rakyat sangat penting difikirkan," tegas Pengarah Penerangan.

Menurutnya lagi, sungguhpun strategi pembangunan negara yang berjalan selama ini dapat diterima menjadi asas perkembangan selepas merdeka namun cabaran pembangunan pada ketika itu akan tertumpu kepada corak serta kepesatannya dalam memenuhi aspirasi rakyat dan negara.

"Tetapi hal itu tidak bermakna semua masalah yang bersangkut-paut



Haji Badaruddin

dengan rakyat menyukung Kerajaan sudah selesai dan sempurna, sebab sebahagian besar daripada usaha memenuhi ekpektasi kemerdekaan ialah dengan terus menerus mengerakkan perpaduan yang kukuh di kalangan semua lapisan rakyat bagi mendukung Kerajaan," kata Pengarah Penerangan.

Dalam hubungan itu beliau menyeru supaya rakyat meneruskan kepada pimpinan tertinggi negara dan Kerajaan pada menentukan jalan-jalan yang sesuai yang akan menjamin rakyat sentiasa bersama dengan Kerajaan dalam pahit manis pengalaman negara selepas kemerdekaan. (Ucapan penuh Pengarah Penerangan disiarkan di muka 2).

## Seberkas buat lawatan muhibbah

PEKAN BANGAR.— Serombongan belia-belia dari SABERKAS (Pertubuhan Belia Kebangsaan Sarawak) Daerah Limbang telah mengadakan lawatan muhibbah ke Daerah Temburong pada minggu lalu.

Rombongan seramai 27 orang itu diketuai oleh Encik Mohammad bin Jaluddin dan menjadi tetamu kepada Pegawai Daerah Temburong.

Di sebelah malam bertempat di Dewan Kemasyarakatan, satu jamuan makan dan ramah mesra telah diadakan oleh Persatuan Pemuda Pemudi Melayu (3PM) Daerah Temburong yang juga diserikan dengan Persembahan nyanyian.

Penolong Pegawai Daerah, Awangku Salleh bin Pg Kamaluddin dalam ucapannya mengharapkan lawatan itu akan dapat mempereratkan lagi tali silatulrahim yang telah sedia terjalin antara kedua belah pihak. Di samping itu akan dapat memberikan pengetahuan tentang perkembangan di daerah itu dan aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan belia.

Selain dari bertujuan bagi mempereratkan tali persaudaraan jelas Encik Mohammad bin Jaluddin, ianya juga bertujuan bagi meninjau kegiatan dan projek-projek kerajaan yang sedang giat dilaksanakan di daerah itu.

Rombongan itu keesokan harinya telah dibawa meninjau projek-projek kerajaan yang sedang giat dilaksanakan termasuklah Pusat Tenaga Letrik Kampung Belingus, Bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Projek Perumahan Pegawai Daerah dan Penolongnya serta kakitangan kerajaan lainnya; dan tapak Komplek Sukan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan. Sepanjang lawatan itu mereka telah diberikan penerangan oleh Penolong Pegawai Daerah.

## HADIRI SIDANG UKUR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Juruukur Agung, Awang Yunos bin Mohd Noh dan Juruukur Tanah, Pg. Metussin bin Pg. Haji Matassan kini berada di United Kingdom untuk menghadiri Persidangan Pegawai-Pegawai Ukur Komanwel 1983.

Persidangan yang diadakan dari 18hb hingga 28hb Julai itu berlangsung di Universiti Cambridge dan dihadiri oleh negara-negara dalam Komanwel.

Persidangan yang diadakan pada tiap-tiap empat tahun itu membincangkan hal-hal latihan, Perkembangan profession ukur dan kemajuan sains ukur tanah di samping mencari jalan cara menyelesaikan masalah-masalah bersama.

Ini adalah kali kelima Brunei menghantar wakil ke Persidangan tersebut.

## SELAMAT MELAHIRKA[N] SEORANG PUTERA

Menjunjung sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Se[ri] Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Kha[iri] adalah dengan amat sukacita diumumkan bahawa ... Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah ... Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Pe... Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed ... dengan izin Allah telah selamat melahirkan seoran[g] ... hari Ahad 7hb. Syawal 1403 bersamaan 17hb. Ju[lai] ... 10.51 malam.

## 11 ribu kunjungi Ista[na]

Dari muka 1

2.00 petang hingga 4.00 petang.

Rakyat jelata dan orang ramai juga menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya dan junjung ziarah kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Kerabat-kerabat Diraja yang lain.

Sementara itu Istana Darul Aman di Pekan Muara terbuka untuk kunjungan orang ramai pada Hari Raya keenam selama tiga jam bagi menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya dan junjung ziarah kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Kira-kira 1,588 orang dari berbagai lapisan dan keturunan telah berkunjung ke Istana tersebut dan setiap pengunjung telah dihadiahkan dengan duit raya.

Beberapa orang pembesar negara juga telah mengadap ... terbuka untuk ... orang ramai di ... mulia ini. Pe... Umum Kebawah ... Yang Maha Mu[lia] ... Pehin Orang K... Setia Bakti ... Laila Utama A... Isa menerima ... dari orang ram[ai] ... mengucapkan ... Hari Raya kep... dan keluarga ... dari Pegawa[i] ... Kanan Kerajaan.

Pembesar ... negara yang ... mengadakan ... buka ialah Pe... Menteri Besar ... Pehin Orang K... Wijaya Dato ... Awang Haji Ab... rumah kediaman ... beliau Rumah ... Jalan Gadong ... Rumah Semasa ... rasmi Pe... Setiausaha Ke... Pehin Orang K... Pahlawan Dato ... Awang Abd. Ra...

Walaupun ... kadang hujan ... lebat di beberapa ... pada malam ... muanya ... menghalang ... untuk kunjung ... jungi sanak-sa... sahabat-handai ... dang dari ... ke sebuah ... mengucapkan ... Hari Raya dan ... maafan.

Suasana ... kelihatan ... negara ini yang ... mereka yang ... beragama Islam ... mengunjungi ... handai mereka ... Yang Mulia ... Hari Raya pada ... disambut ... negara ... sederhana tetapi ... meriah.

## Lapan warder berkurs[us]

BERAKAS. — Lapan orang warder dari Jabatan Penjara telah berlepas meninggalkan Brunei pada hari Sabtu lepas untuk menjalani kursus di Semenanjung Malaysia.

Mereka ialah Ak. Malek bin Pg. Othman, Awg. Omar bin Asmat, Dy. Noraini bte Sulaiman, Dy. Zubaidah bte Sitam, Dy. Zainab bte Hassan dan Dy. Mazanah bte ... Mereka akan ... kursus Pegawai ... Tingkat II ... bulan.

Semasa di ... akan ditempatkan ... Latihan Pegawai ... Taiping. Warder ... lelaki juga akan ... kursus praktik ... sebulan di beberapa ... pusat latihan.